

# BAB 4

## BAB 4

### AJARAN QADIANI : SATU ANALISA

#### Pendahuluan

Semenjak tahun 1975, ajaran Qadiani di Malaysia telah difatwakan sebagai sebuah ajaran yang terkeluar dari ajaran Islam. Disamping fatwa tersebut, Majlis Raja-Raja (negeri-negeri yang mengambil bahagian sahaja) turut menetapkan bahawa pengikut-pengikut ajaran ini merupakan golongan yang terkeluar daripada Islam serta dikecualikan dari menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk pengkebumian dalam tanah perkuburan Islam.<sup>1</sup>

Namun disebalik fatwa yang dikeluarkan, pengikut-pengikut Qadiani terus menyebarluaskan ajaran mereka kepada umat Islam yang lain. Hakikat ini terbukti apabila berlaku kekecohan di Alor Star, Kedah pada awal 1980an berikutan penahanan seorang pengikut Qadiani oleh Mahkamah Syariah Jitra. Kesungguhan pengikut-pengikut Qadiani berpegang teguh kepada ajaran mereka telah menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam tentang kedudukan sebenar ajaran tersebut. Tambahan pula golongan ini mengaku sebagai seorang Islam dan turut menggunakan simbol Islam di tempat ibadat mereka.

---

<sup>1</sup> Lihat *Lampiran J*.

Bagi melihat sejauhmana kesahihan ajaran tersebut, kajian ini akan menganalisis perkara-perkara pokok dalam ajaran Qadiani yang menjadi pegangan pengikut-pengikutnya sebagaimana yang dianjurkan oleh Mirza dari sudut pandangan Islam bersumberkan hujah-hujah al-Quran, al-hadis dan ijma ulama. Seterusnya satu rumusan akan dikemukakan berdasarkan analisis-analisis tersebut untuk mengenalpasti kesahihan ajaran Qadiani.

#### A) Keimanan Kepada Allah

Asas akidah Islamiyah adalah tauhid kepada Allah. Manakala tauhid merupakan inti kepada Islam itu sendiri. Beriman kepada Allah bererti beriktikad hanya Allah berhak disembah, dicintai serta dipatuhi, dan dalam masa yang sama menolak selain daripadaNya;

Firman Allah;<sup>2</sup>

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَحْدًا  
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ④

Maksudnya;

*Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.*

Ajaran Qadiani turut memberi penekanan kepada beriman serta menyakini keEsaan Allah s.w.t. Namun begitu, terdapat beberapa konsep

---

<sup>2</sup> al-Taubah : 31

yang berhubungkait dengan keimanan kepada Allah yang berbeza dengan umat Islam lain iaitu konsep *tanāsukh al-Arwāḥ* dan *wahdat al-wujūd*.

Perbincangan mengenai tajuk ini akan dibahagikan kepada dua bahagian bagi memperjelaskan tentang kedudukan sebenar setiap konsep berikut menurut pandangan Islam.

#### 1) *Tanāsukh al-Arwāḥ*

Konsep *tanāsukh al-Arwāḥ* ataupun disebut juga sebagai pengulangan kelahiran merupakan salah satu daripada kepercayaan penting dalam agama hindu. Sebagaimana yang telah penulis huraikan di dalam bab sebelum ini, *tanāsukh al-Arwāḥ* membawa maksud roh yang telah keluar dari satu jasad dan kembali semula ke dalam dunia di dalam jasad yang lain.<sup>3</sup>

Menurut kepercayaan agama hindu, pengulangan kelahiran ini bertitik tolak dari Undang-Undang Balasan atau dalam bahasa Sanskrit disebut *Karma*. Mereka mempercayai bahawa sebarang perbuatan baik atau buruk akan mendapat pembalasannya. Sekiranya balasan tersebut tidak berlaku dalam kehidupan sekarang, ianya akan berlaku dalam kehidupan akan datang iaitu melalui kelahiran semula.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Sila rujuk him. 137-139.

<sup>4</sup> Klaus K. Klostermaier, *A Survey Of Hinduism*, 1990, cet. 1, New Delhi; Munshiram Manoharlal Publishers Prt. Ltd., him. 204.

Kelahiran semula berlaku melalui perpindahan roh simati ke dalam jasad lain sama ada di dalam jasad manusia yang lain, juga berlaku perpindahan dalam haiwan serta tumbuh-tumbuhan.<sup>5</sup> Berdasarkan konsep ini, menunjukkan bahawa jika sekiranya si mati ketika hayatnya membuat kejahatan, jika kemungkinan roh jahatnya berpindah kepada anaknya, maka si anak akan mendapat hukuman akibat perbuatan orang tuanya.

Teori ini bertentangan dengan konsep pembalasan di dalam ajaran Islam yang lebih adil dan saksama. Di dalam Islam, setiap manusia akan mendapat pembalasan yang setimpal di atas perbuatannya sendiri sama ada baik atau buruk dan bukannya ditanggung oleh orang lain. Firman Allah,<sup>6</sup>

وَمَا تَكُونُ فِي شَاءْنِ وَمَا تَتْلُوْ مِنْهُ مِنْ قُرْءَانٍ  
وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شَهُودًا إِذَا  
تُفِيضُونَ فِيهِ وَمَا يَعْزِبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالٍ  
ذَرَّةً فِي أَلْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَلَا أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ  
وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ◎

Maksudnya;

*Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran, dan*

<sup>5</sup> Tanpa Pengarang, *Santana Dharma : Anadvanced Text Book Of Hindu Religion And Ethics*, 1904, cet. 2, Benares; Central Hindu College, hlm. 92.

<sup>6</sup> Yunus : 61

*tidaklah kamu (Wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya. Dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu dan tidak ada yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.*

Kebatilan konsep ini juga berdasarkan sifat makhluk dan alam semulajadi adalah baru dan tidak kekal.<sup>7</sup> Setiap yang baru ada permulaan dan akhirnya. Berbanding dengan keyakinan dalam ajaran hindu, konsep pengembalian roh menunjukkan roh itu bersifat kekal. Hakikat ini diperkuuhkan dengan Firman Allah;<sup>8</sup>

كُلُّ مِنْ عَلَيْهَا فَانٌ ⑥ وَيَبْقَىٰ  
وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَلِ وَأَلِكْرَامٍ ⑦

Maksudnya;

*Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa (26) Dan akan kekallah zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan (27)*

Konsep *tanāsukh al-Arwāḥ* telah meresap masuk ke dalam ajaran Qadiani. Ini dapat dilihat dari dakwaan-dakwaan Mirza melalui penulisan beliau tentang perpindahan roh para nabi. Pendakwaan-pendakwaan ini membuktikan bahawa Mirza turut terpengaruh dengan aliran pemikiran

<sup>7</sup> Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī ibn Ahmad ibn Saïd, *al-Faṣl Fī al-Milal wa al-Ahwā’ wa al-Niḥāl*, 1975, Juz. 1, cet. 2, Beirut; Dār al-Ma’rifat.

<sup>8</sup> Al-Rahman : 26-27.

agama hindu yang batil. Penulis melihat bahawa penerimaan Mirza terhadap konsep tersebut bertujuan untuk menghubungkaitkan kedudukan beliau sebagai seorang nabi yang mempunyai hubungan dengan nabi-nabi yang terdahulu.

## 2) Konsep *Waḥdat al-Wujūd*

Keimanan kepada Allah merupakan garis pemisah antara Islam dan kufur serta dapat membezakan individu muslim dengan pengikut agama lain. Beriman kepada Allah bukan sekadar meyakini Allah sebagai pencipta yang wajib disembah, bahkan turut mengimani segala sifat kesempurnaan yang layak bagiNya, yang mana tidak sama dengan makhluk ciptaanNya.

Jika merujuk kembali kepada definisi *waḥdat al-wujūd* yang telah penulis bincangkan dalam bab sebelum ini,<sup>9</sup> menunjukkan bahawa konsep *waḥdat al-wujūd* membawa kepada penyatuan antara pencipta dan makhluk. Kewujudan makhluk berasal dari kewujudan pencipta. Setiap kejadian bermula dari kewujudan yang satu.

Berdasarkan definasi tersebut, jelas menunjukkan bahawa konsep *waḥdat al-wujūd* merupakan satu konsep yang menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar, bahkan tidak wajar dari pertimbangan akal yang waras

---

<sup>9</sup> Sila rujuk him 137-139.

menyatukan Allah sebagai Pencipta Yang Maha Agung dengan makhluk ciptaanNya. Akan tetapi konsep ini terdapat dalam ajaran Qadiani yang dapat dilihat melalui pengakuan-pengakuan Mirza di dalam buku-buku karangan beliau.

Gandingan antara pencipta dan makhluk adalah batil kerana Allah tidak layak digandingkan dengan yang lain. Allah s.w.t bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan sama sekali tidak menyamai makhluk ciptaanNya sebagaimana Firman Allah;<sup>10</sup>

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ⑥

Maksudnya;

*Tiada sesuatu pun yang setanding denganNya (zat, sifat, dan pentadbiranNya), dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*

*Waḥdat al-wujūd* tidak membezakan antara kedudukan Allah dan makhluk, sedangkan Allah berada di atas ArasyNya. Ini bermakna kedudukan Allah lebih tinggi dari makhluk yang lain.<sup>11</sup> Ini menunjukkan bahawa menyamakan kedudukan Allah dengan makhluk sebagai

<sup>10</sup> Al-Syura : 11.

<sup>11</sup> Ibn Taimiyah, Taqī al-Dīn Abū al-‘Abbās Ahmad, *Rasā'il wa Fatāwā Syeikh al-Islam*, 1992, Tahqīq; Sayyid Muhammad Rasyid Redhā, Jil. 1, cet. 2, Kaherah; Maktabat Wahdat, hlm. 117. Selepas ini Ibn Taimiyah.

menyatakan kelemahanNya, sedangkan Allah Maha Suci dari segala sifat kelemahan dan kekurangan.

Golongan Nasrani yang meyakini Allah s.w.t bersatu dengan Nabi Isa telah dihukum kafir dan sesat oleh Allah sebagaimana Firman Allah;<sup>12</sup>

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ  
هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ

Maksudnya;

*Dan sesungguhnya kafirlah orang-orang yang berkata:  
Bahawa Allah ialah al-Masih ibn Maryam.*

Jika hanya menyatukan Allah dengan seorang makhluk sudah terkeluar dari akidah Islam, bagaimanakah pula dengan mereka yang menyakini Allah bersatu dengan pelbagai makhluk yang lain. Ini memperjelaskan bahawa konsep *wahdat al-wujūd* adalah batil dan meyakininya boleh membawa kepada syirik terhadap Allah.

Ijma ulama telah menetapkan hukum kafir bagi golongan yang menyatukan Allah dengan mana-mana makhluk, sebagaimana yang telah

---

<sup>12</sup> Al-Maidah : 17.

didakwa oleh golongan Batiniyah, Nasrani, Qaramitah dan sebahagian ahli tasawuf yang melampau.<sup>13</sup>

Ibn Taimiyah mengulas bahawa kedudukan golongan yang berpegang pada *wahdat al-wujūd* adalah lebih merbahaya daripada agama Yahudi dan Nasrani. Mereka terdiri dari golongan munafiq yang wajib diperangi.<sup>14</sup> Ini selaras dengan FirmanNya;<sup>15</sup>

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَهِدْ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ◎

Maksudnya;

*Wahai Nabi, berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan munafik, serta bertindak keras terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah Neraka Jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.*

Kesimpulannya, konsep *wahdat al-wujūd* merupakan satu konsep yang terkeluar dari ajaran Islam dan meyakininya boleh membawa kepada syirik terhadap Allah. Mirza turut menerapkan konsep ini dalam ajaran Qadiani secara tidak langsung sebagai satu usaha untuk membuktikan kedudukan istimewa beliau di sisi Allah.

<sup>13</sup>Qādi 'Iyād ibn Müsā al-Yahṣubi al-Andalisi, *al-Syifa' Bi Ta'rif Huqūq al-Muṣṭafā*, t.t., Tahqiq; Muḥammad Amin, t.c., Damsyiq; Muassat 'Ulūm al-Qurān, hlm. 604-605.

<sup>14</sup> Ibn Taimiyah, *op.cit.*, hlm. 167.

<sup>15</sup> Al-Taubah : 73.

## B) Keimanan Kepada Nabi Dan Rasul

Allah telah mengutuskan para nabi dan rasul kepada setiap kaum, bangsa dan negeri. Nabi-nabi dan rasul-rasul utusan Allah besar bilangannya, namun semuanya membawa satu ajaran iaitu mentauhidkan Allah. Matlamat utama perutusan para anbiya' adalah menwujudkan pengabdian manusia yang sepenuhnya terhadap Allah.

Penulis akan memfokuskan perbincangan mengenai tajuk ini kepada akidah *khātam al-Nabiyyīn* memandangkan perkara tersebut menjadi asas utama di dalam keyakinan dalam ajaran Qadiani serta meletakkan ajaran tersebut berbeza dengan pegangan umat Islam lain.

### 1). Akidah *Khātam al-Nabiyyīn*

Sebagai *al-Dīn al-Samawi*, Islam telah menetapkan bahawa menyakini para rasul sebagai utusan Allah merupakan salah satu dari rukun Iman. Perutusan Rasul-rasul pilihan telah diakhiri oleh Nabi Muhammad s.a.w dan tidak ada lagi rasul ataupun nabi selepas baginda. Firman Allah;

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ  
وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا<sup>16</sup>

---

<sup>16</sup> Al-Ahzab : 40.

Maksudnya;

*"Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkat) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasulullah dan kesudahan segala nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."*

Ayat di atas merupakan titik tolak kepada perbahasan mengenai akidah *khātam al-Nabīyyīn*. Penulis telah mengemukakan pendapat Qadiani tentang maksud *khātam al-Nabīyyīn* dalam ayat tersebut di dalam bab sebelum ini.<sup>17</sup> Namun begitu, setelah diteliti, penulis dapatkan penekanan dan pemilihan maksud khatam hanya terhad kepada maksud "paling sempurna" sahaja mengikut pegangan Qadiani. Ini bertentangan dengan bahasa, tafsir serta bukti-bukti dari hadis. Sehubungan dengan itu, penulis akan membahagikan perbincangan mengenai perkataan *khātam al-Nabīyyīn* kepada 3 peringkat seperti berikut;

a) Al-Khatam dari segi bahasa.

Menurut pengarang *Mu'jam Maqāyis al-Lughat, Khatama* (خاتمة) bermaksud menuju kepada yang paling akhir.<sup>18</sup> Nabi Muhammad s.a.w merupakan *Khatam al-Anbiya'* bermaksud baginda adalah nabi yang terakhir. *Al-Khatmu* (الختام) juga boleh didefinisikan dengan memeterikan

<sup>17</sup> Rujuk Bab 3, hlm. 144-147.

<sup>18</sup> Lihat juga al-Syarbūnī, Sāid al-Khaurī, *Aqrab al-Mawārid*, 1992, Juz 1, t.c., Beirut; Maktabat Lubnān, hlm. 257.

Juga al-Firuzzabādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb, *al-Qāmus Muhiṭ*, t.t., Juz. 4, t.c., Beirut; Dār al-Jil, hlm. 103.

atas sesuatu (الطبع). Oleh yang demikian memeterikan sesuatu hanya akan berlaku apabila sampai ke penghujung sesuatu perkara.<sup>19</sup>

(خَتَمَ الشَّيْءَ بِخَتْمِهِ خَتْمًا) bermaksud menuju kepada yang terakhir, (أَخْتَمُ عَلَى الْقَلْبِ) membawa maksud tidak memahami sesuatu dan tidak akan keluar daripadanya sesuatupun seperti الطبع (memeterikan).<sup>20</sup>

Firman Allah;<sup>21</sup>

خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ

Maksudnya;

“Allah memeterikan atas hati-hati mereka.”

*Toba'a* (طبع) dan *khatama* (ختم) dari sudut bahasa mempunyai maksud yang sama iaitu menutup atas sesuatu dan menahan dari dimasuki.<sup>22</sup>

<sup>19</sup> Ibn Fāris, Abī al-Ḥusayn Ahmad, *Mu'jam Maqāyis al-Lughat*, 1970, Tahqīq; 'Abd al-Salām Muḥammad Ḥārūn, Juz. 2, cet. 2, Misr; al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulāduhu, hlm. 245.

<sup>20</sup> Lihat juga al-Zubaidī, Muhammad Martadī, *Tāj al-'Arūs Min Jawāhir al-Qāmūs*, t.t., Jil. 8, cet. 1, Beirut; Dār Maktabat al-Ḥayāt, hlm. 266. Selepas ini al-Zubaidī.

<sup>21</sup> Al-Baqarah : 7

<sup>22</sup> Ibn Saīdāt, 'Ali ibn Ismā'īl, *al-Muḥkam al-Muhiṭ al-A'zom Fi al-Lughat*, 1971, Tahqīq; Ibrāhīm al-Abyārī, Juz 5, cet. 1, Mesir; Maktabat Muṣṭofā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādih, hlm. 96.

*Khātam* ( خاتم ) dan *Khātimah* ( خاتمة شی ) sesuatu adalah yang terakhir, penamat. *Ikhtitām* sesuatu ( اختتام شی ) bermaksud sebaliknya dari *iftitah* (permulaan). *Khatimah* sesebuah surah ( خاتمة السورة ) bermaksud akhir surah tersebut. *Khitām* ( خاتم ), *Khātam* ( خاتم ), *Khātim* ( خاتم ) sesebuah kaum bermaksud yang terakhir. Menurut *al-Lihyāni*, Muhammad s.a.w merupakan *Khātam al-Anbiya'*. Manakala *al-Tahzib* berkata; *al-Khātim* dan *al-Khātam* merupakan antara nama-nama Nabi s.a.w. Sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah surah al-Ahzab ayat 40.<sup>23</sup>

Penghuraian di atas merupakan pendapat daripada mereka yang pakar dan berautoriti dalam bahasa arab. Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut, penulis merumuskan bahawa keseluruhannya sepakat bahawa maksud Khatam adalah "Akhir". Dengan itu fe'el Khatama ( ختم ) dan isim Fā'el al-Khātam ( الخاتم ) menguatkan lagi firman Allah dalam surah al-Ahzab bahawa nubuwah telah dimeterikan atau ditutup, tidak akan dibuka lagi. Nabi Muhammad s.a.w merupakan nabi yang terakhir, dan tiada lagi perutusan nabi-nabi selepas itu. Ini secara langsung membuktikan pemilihan maksud khatam sebagai "paling sempurna" oleh Qadiani adalah tidak benar dan menyalahi kaedah pemahaman bahasa yang sebenar.

---

<sup>23</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram al-Anṣōri, *Lisān al-'Arab*, t.t., Jil. 15, t.c., Kaherah; al-Dār al-Miṣriyyat, hlm. 56.

b) *Khātam al-Nabīyyīn* Menurut Ahli-ahli Tafsīr

Al-Quran telah menerangkan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w sebagai *khātam al-Nabīyyīn*. Jumhur mufassirin menetapkan maksud *khātam al-Nabīyyīn* sebagai nabi yang terakhir, penutup kepada perutusan nabi-nabi. Ini dapat dilihat dari tafsiran-tafsiran yang telah dibuat terhadap ayat 40 surah al-Ahzab oleh ahli tafsir. Al-Tabari mentafsirkan Nabi Muhammad s.a.w sebagai *khātam al-Nabīyyīn* dengan penutup kenabian dan nabi yang terakhir, tidak akan dibuka taraf kenabian tersebut walau kepada sesiapapun hingga hari kiamat.<sup>24</sup>

Manakala Ibn Kathir mengulas bahawa bukan sekadar perutusan nabi telah berakhir bahkan rasul-rasul juga tidak lagi diutus walau dengan apa cara sekalipun kerana kedudukan kerasulan lebih tinggi dari makam kenabian.<sup>25</sup>

Jika ditinjau dari sudut bacaan bagi perkataan al-khatam menjelaskan terdapat dua pendapat yang masyhur. ‘Asim satu-satunya yang membaca dengan baris atas (الخاتم) yang membawa maksud rasul-rasul diakhiri oleh Nabi Muhammad s.a.w. (انهم به ختموا). Majoriti membaca

<sup>24</sup> Al-Tabarī, Abī Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qurān*, 1968, Juz 22, cet. 3, Mesir; Maktabat Dār al-Kutub, hlm. 16. Selepas ini al-Tabari.

<sup>25</sup> Ibn Kathīr, Abū Fida’ Ismā‘il ‘Imād al-Dīn ibn ‘Umar, *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm*, 1983, Juz 3, t.c., Beirut; Dār al-Ma‘rifat, hlm. 493. Selepas ini Ibn Kathir.

baris bawah ( خاتم ), bermaksud Rasulullah mengakhiri kedatangan para rasul atau datangnya yang terakhir ( ائمۃ اخیرهم ). Khātim dan khātam hanya dua variasi yang mempunyai maksud yang sama.<sup>26</sup>

Berdasarkan penafsiran-penafsiran tersebut, jelas menunjukkan bahawa maksud *khātam al-Nabiyyīn* dalam ayat tersebut adalah Nabi Muhammad s.a.w, nabi yang terakhir sekaligus menafikan maksud Nabi Muhammad s.a.w terhenti sekadar “*nabi yang paling sempurna*” sebagaimana dakwaan Qadiani.

Ayat 40 surah al-Ahzab diturunkan bersama satu syariat memberi keizinan untuk mengahwini isteri anak-anak angkat setelah mereka berpisah. Zaid bin Harithah merupakan anak angkat Rasulullah s.a.w dan bukannya anak baginda. Ini tidak bermaksud menafikan Nabi Muhammad s.a.w memiliki anak lelaki, akan tetapi anak-anak baginda telah meninggal dunia sebelum dewasa. Antaranya Qasim, Abdullah dan Ibrahim. Hubungan antara Muhammad s.a.w dan seluruh muslim termasuk Zaid adalah hubungan antara nabi dan kaumnya, bukan sebagai bapa. Dan Muhammad s.a.w. adalah *khātam al-Nabiyyīn*, tidak ada nabi selepas baginda dan telah sempurna serta lengkap syariatnya.

---

<sup>26</sup> Al-Qurtubī, Abī ‘Abd al-Lāh Muhammad ibn Ahmad al-Anṣorī, *Jāmi‘ al-Āhkām al-Qur’ān*, 1967, Juz 1, t.c., Kaherah; Dār al-Kātib al-‘Arabī, hlm. 5278. Selepas ini al-Qurtubī.

Jika ditinjau dari pandangan Qadiani tentang ayat tersebut, mereka hanya mengulas penafian Zaid anak kepada Muhammad s.a.w dan dengan itu membolehkan perkahwinan antara Muhammad s.a.w dan Zainab sedangkan penghujung ayat tersebut turut menjelaskan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir. Ayat-ayat al-Quran yang diturunkan mempunyai kepentingan tersendiri sama ada kedudukannya di awal maupun di hujung ayat. Memberi ulasan hanya pada sebahagian ayat dan mengabaikan kepentingan ayat seterusnya adalah tidak tepat serta menyalahi kaedah-kaedah penafsiran.

#### c) Bukti-bukti dari Hadis

Rasulullah s.a.w turut memperkuuhkan tentang kedudukan baginda sebagai nabi yang terakhir melalui sabda-sabdanya. Antaranya ialah;

i)

عن أبي هريرة ان رسول الله قال: مثلى ومثل الأنبياء  
من قبلي كمثل رجل بنى بنيانا فاحسنه وأجمله,  
إلا موضع لبنيه من زاوية من زوايده، فجعل الناس  
يطوفون به ويعجبون له ويقولون: هلا وضعت  
هذه اللبنة قال: فانا اللبنة : وأنا خاتم النبيين<sup>27</sup>

<sup>27</sup> Al-Bukhārī, Abū ‘Abd al-Lāh Muhammad ibn Ismā’il ibn Ibrāhīm ibn al-Mughirah ibn Bardizbah, *Sahīh al-Bukhārī*, t.t., Bab Khātam al-Nabiyyīn, Jil. 4, t.c., Beirut; Maktabat al-Thaqāfat, hlm. 226. Selepas ini al-Bukhārī.

Lihat juga Al-Hajjāj, Abī al-Husyn Muslim al-Qusyayīr al-Naisābūrī, *Sahīh Muslim*, 1987, Tahqīq; Musā Syāhīn Lāsyīn, (Dr.), Kitāb al-Fadail, Bab Zikr Kaunuhi (s.a.w) Khātam al-Nabiyyīn, Jil. 4, cet. 1, Beirut; Muassasaẗ ‘Izz al-Dīn, hlm 340. Selepas ini Muslim.

Maksudnya;

*Dari Abi Hurairah bahawa Rasulullah telah bersabda; Perumpamaanku dengan nabi-nabi yang sebelumku adalah seperti orang membina rumah, lalu disempurnakan dan dibaguskan buatannya, kecuali satu sudut (belum terpasang) dengan bata. Lalu orang ramai mengelilingi dan mengagumi rumah tersebut seraya berkata, "Alangkah baiknya jika sebuah bata itu diletakkan?. Baginda bersabda, "Akulah bata tersebut dan akulah penutup nabi-nabi."*

Hadis di atas jelas menerangkan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir berserta dengan syariatnya yang lengkap tanpa perlu di utus nabi-nabi lain selepas baginda. Kedudukannya diumpamakan bata yang terakhir sebagai penyempurna kepada bangunan tersebut menunjukkan nubuwwah telah berakhir.

ii) Allah tidak membezakan antara nabi yang membawa syariat dan sebaliknya, bahkan al-Quran menyebut secara umum perutusan mereka, begitu juga berakhirnya nubuwwah. Hadis-hadis nabi jelas menunjukkan bahawa tidak ada lagi nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w sama ada yang membawa syariat baru mahupun penerus syariat yang ada.

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:  
كانت بنو اسرائيل تسوسمهم الأنبياء كلما هلك بنى خلفه  
بنى وانه لا ينلي بعدي وسيكون خلفا. فيكترون.<sup>28</sup>

<sup>28</sup> Al-Bukhari, *op.cit.*, Bab Mā Zikr 'an Bani Israil, Jil. 2, hlm. 326.

Lihat juga Muslim, *op.cit.*, Kitab al-Imāraṭ, Bab Wujud al-Wafa' bi Bai'ati al-Khulafa', Jil. 4, hlm. 119.

Maksudnya;

*Dari Abu Hurairah (r.a) beliau menceritakan dari Nabi (s.a.w). Baginda bersabda, "Bani Isra'il selalu dipimpin oleh para nabi. Apabila nabi-nabi tersebut telah meninggal dunia lalu digantikan oleh nabi yang lain selepasnya. Namun begitu tidak ada lagi nabi selepasku, yang ada hanyalah khalifah dan bilangan mereka adalah ramai."*

Hadis di atas menyebut secara umum tentang 'para nabi' tanpa mengkhususkan nabi yang ada syariat atau sebaliknya. Apa yang pasti tidak ada sebarang riwayat yang menyatakan tentang Bani Isra'il mendapat nabi yang membawa syariat. Dan dalam hadis ini juga, nabi membataskan bahawa tidak ada lagi nabi selepas baginda dan hanya akan datang khalifah-khalifah silih berganti. Jika sekiranya akan datang nabi selepas baginda, pastinya Nabi Muhammad s.a.w tidak akan menimbulkan soal khalifah.

Jika merujuk kepada ajaran Qadiani, mereka berpegang bahawa Nabi yang diutus selepas Nabi Muhammad s.a.w iaitu Mirza merupakan nabi tanpa syariat, maka dengan itu perutusan Mirza tidak menyalahi nubuwwah. Namun begitu, apabila diteliti kembali kepada ajaran Qadiani serta pengakuan Mirza mengenai jihad, secara tidak langsung menyatakan satu syariat baru dimana ia menasakhkan syariat Muhammad s.a.w. Menurut Mirza ajaran yang diterimanya atau wahyu yang diturunkan padanya

menghapuskan jihad pedang sedangkan di dalam syariat Muhammad s.a.w ianya adalah wajib. Ini sama sekali bertentangan dengan konsep asal mereka tentang *khātam al-Nabīyyīn*.

iii) Sebagai utusan Allah yang membawa risalah kebenaran, baginda telah diingatkan akan kedatangan golongan fasik yang mengaku sebagai nabi.

عن ثوبان قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
وإنه سيكون في أمتي ثلاثون كذابون كلهم يزعم  
<sup>29</sup> أنه نبي وأنا خاتم النبيين لانبي بعدي

Maksudnya;

*Dari Thaubān, Rasulullah s.a.w bersabda “Akan datang dikalangan umatku tiga puluh orang pendusta (pembohong) yang mengaku diri mereka sebagai nabi, Aku adalah khatam al-Nabīyyīn, tidak ada lagi nabi selepasku.”*

Kemunculan mereka yang mengaku sebagai nabi telah berlaku semenjak kewafatan Rasulullah s.a.w dan antaranya pengakuan yang dibuat oleh Mirza. Namun, Rasulullah s.a.w semenjak awal lagi telah menegaskan bahawa tidak akan ada lagi nabi selepas baginda.

---

<sup>29</sup> Al-Tirmidī, Abū ‘Isā Muḥammad ibn ‘Isā al-Salmī, *Sunan al-Tirmidī*, 1975, Tahqīq: Ibrāhīm Utuwāt ‘Iwad, Kitab al-Fitan, Bab Lā Taqūm al-Sa’at Hatta Yakhrij Kadhbābūn, Juz 4, cet. 2, Mesir; Maktabat Maṭba’at Muṣṭafā al-Bābī wa al-Halabī, hlm. 499. Selepas ini al-Tirmidī.

d)

عن أبي هريرة ان النبي صلى الله عليه وسلم قال:  
 فصلت على الانبياء بست، أعطيت جوامع الكلم ونصرت بالرعب،  
 وأحلت لي الغنائم، وجعلت لي الأرض مسجداً وطهوراً،  
 وأرسلت إلى الخلق كافة، وختم بي النبيون<sup>30</sup>

Maksudnya;

*Dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda; "Dilebihkan aku dari nabi-nabi yang lain dengan enam perkara. Diberikan kepadaku simpulan kata-kata, diberikan kepadaku kemenangan dengan menimbulkan rasa takut di hati musuh, dihalalkan bagiku rampasan perang, dijadikan bagiku bumi sebagai masjid dan suci, diutuskan aku untuk makhluk seluruhnya. Diakhir denganku sekalian nabi."*

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengakuan-pengakuan sebagai nabi selepas kewafatan baginda merupakan suatu yang tidak benar dan tertolak.

Kesimpulannya, berdasarkan perbahasan di atas, pegangan Qadiani tentang maksud *khātam al-Nabiyīn* sebagai "paling sempurna" adalah tidak benar dan batil. Langkah mentakrifkan *khātam al-Nabiyīn* dengan maksud demikian bertujuan untuk membenarkan pengakuan Mirza sebagai nabi. Nabi Muhammad s.a.w bukan sekadar nabi yang paling

<sup>30</sup> *Ibid*, Kitab al-Sair, Bab Mā Jaa fi al-Ghanimat.

Lihat juga Muslim, *op.cit.*, Kitab al-Masājid wa Mawaḍi'u al-Solat, Jil. 2, hlm. 9.

sempurna bahkan baginda diberi keistimewaan sebagai penutup kepada perutusan nabi dan rasul.

#### d)      **Analisis Hujah Qadiani Bersumberkan Hadis**

Antara hujah hadis yang digunakan oleh Qadiani untuk mengukuhkan pegangan mereka tentang kewujudan nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w ialah hadis berkenaan Ibrahim bin Muhammad;

حدثنا عبد القدس بن محمد ثنا داود بن شبيب الباهلي  
ثنا ابراهيم بن عثمان ثنا الحكم بن عتبة عن مقصم  
عن ابن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
ولوعاش اي ابراهيم لكان صديقا نبيا ولو عاش لعنت آخره  
القطب وما استرق قبطي<sup>31</sup>

Maksudnya;

*Dari Ibn Abbas, bersabda Rasulullah s.a.w. Sekiranya hidup (iaitu Ibrahim) nescaya beliau akan menjadi nabi yang benar. Jika Ibrahim hidup aku akan memerdekaakan ibu-ibu saudaranya dari keturunan Qibti, dan seorang Qibti pun tidak akan diperhambakan.*

Setelah dibuat penelitian, didapati hadis di atas adalah tidak sahih kerana salah seorang dari rijal sanad adalah tertolak. Beliau ialah Ibrāhim ibn ‘Uthmān Abū Syaibaṭ. Ini dapat dilihat dari persepakatan para Muhadithin antaranya; Imam Ahmad berkata beliau adalah ḏa’if, al-

<sup>31</sup> Ibn Mājah, Abi ‘Abd al-Lāh Muḥammad ibn Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Mājah*, 1975, Tahqiq; Muḥammad Fūad ‘Abd al-Bāqī, Kitāb al-Janāiz, Bab Mā Jāa Fi al-Šolat ‘Ala ibn Rasul Allah wa Zikr Wafātih, Juz 1, t.c., t.k.; Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi, hlm. 484. Selepas ini Ibn Mājah.

Nasā'i berpendapat bahawa hadis tersebut adalah hadis Matruk manakala Ibn Mu'aayan mengatakan tidak thiqah (ليس بثقة).<sup>32</sup>

Berdasarkan ulasan-ulasan tersebut, jelas menunjukkan hadis yang didatangkan oleh Qadiani tidak mempunyai sandaran yang sahih. Oleh yang demikian, tidak wujud pembatalan kepada *khātam al-Nabiyyin* terhadap Nabi Muhammad s.a.w kerana hadis tersebut bermaksud sekiranya Ibrahim bin Muhammad hidup beliau akan menjadi nabi yang benar. Akan tetapi beliau tidak dipanjangkan usianya kerana *khātam al-Nabiyyin* Muhammad s.a.w mencegah panjang usia beliau. Ini bertepatan dengan sebuah hadis lain iaitu;

قال : قلت لا بن أبي أوفى: رأيت ابراهيم ابن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: مات (ابراهيم) وهو صغير ولو قضي ان يكون بعد محمد نبي لعاش ابنه ولكن لأنني بعده<sup>33</sup>

Maksudnya;

*Berkata Ismail kepada 'Abd Lāh bin Abī Aufay, Aku melihat Ibrahim Ibn Rasulullah (s.a.w) lalu baginda bersabda, "Ibrahim meninggal dunia ketika masih kecil. Sekiranya akan ada nabi selepas Muhammad, pasti akan dihidupkan anaknya akan tetapi tiada nabi lagi selepas Muhammad."*

<sup>32</sup> Al-Dahabi, Abi 'Abd Lāh Muhammed ibn Ahmad ibn 'Uthmān, *Mizān al-I'tidāl Fi Naqd al-Rijāl*, t.t., Tahqiq; 'Ali Muhammed al-Bajāwi, Jil. 1, t.c., t.k.; Dār al-Fikr ibn 'Arabi, hlm. 47. Selepas ini al-Dahabi.

Lihat juga Ibn Hajar al-'Asqalāni, Ahmad ibn 'Ali (al-Imām al-Hāfiẓ), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 1905, cet. 1, Beirut; Dār Ṣodr, hlm. 144. Selepas ini Ibn Hajar al-'Asqalāni.

<sup>33</sup> Al-Bukhāri, *op.cit.*, Kitab al-Adab, Bab Man Samma bi-asmai al-Anbiya', Jil. 8, hlm. 80.

Lihat juga Ibn Majah, *op.cit.*, hlm. 484.

Selain daripada itu, Qadiani turut berhujah dengan sebuah riwayat oleh Saidatina Aishah r.a;

أخرج ابن أبي شيبة عن عائشة رضى الله عنها قالت،  
قولوا خاتم النبيين ولا تقولوا لاني بعده<sup>34</sup>

Maksudnya;

*Dari Ibn Abi Syaibat dari Aisyah r.a berkata; "Katakan Khātam al-Nabīyyīn tetapi bukannya tiada nabi selepas Muhammad."*

Athār di atas tidak terdapat di dalam mana-mana kutub al-Sittah atau sebarang al-Masānid, tetapi hanya terdapat dalam Muṣonif Ibn Abi Syaibat sahaja. Muṣonif ini merupakan satu-satunya kitab yang mengumpulkan hadis-hadis samada sahih, hasan, ḥa'iẓ, gharib, syaz, munkar dan sebagainya dari jenis-jenis athār. Kitab ini merupakan sebuah kitab yang tidak terkenal yang mana tidak mendapat perhatian para ulama untuk memberi huraian terhadap kalimah-kalimah yang gharib serta dalam membezakan antara hadis yang sahih dan ḥa'iẓ.<sup>35</sup> Oleh yang demikian, athār di atas diboleh dijadikan hujah kerana tidak dapat diberi kepastian tentang kesahihannya.

<sup>34</sup> Al-Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn ‘Abd. Rāḥmān ibn Abī Bakr ibn Muḥammad, *Dār al-Manthūr Fi al-Tafsīr bi al-Ma’thūr*, t.t., Jil. 5, t.c., Beirut; Dār al-Ma’rifat, hlm. 43. Selepas ini Al-Suyūṭī.

<sup>35</sup> Al-Dīhlawī, Shah Waliyullah ibn ‘Abd al-Rahīm, *Hujjat Allāh al-Bālighat*, t.t., Tahqīq; Sayyid Sābiq, t.c., Kaherah; Dār al-Kutub al-Ḥadīthat, hlm. 283 – 284.

Sehubungan dengan itu, hadis-hadis yang dikemukakan oleh pihak Qadiani bagi membuktikan kewujudan nabi-nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w dengan sendirinya tertolak. Ia juga telah memperjelaskan kebatilan dakwaan Mirza sebagai nabi walaupun tanpa syariat baru.

Kesimpulan dari perbahasan tentang akidah *khātam al-Nabiyīn* membuktikan bahawa pengikut Qadiani telah berpegang pada konsep yang menyalahi al-Quran dan Sunnah. Mempercayai Mirza merupakan seorang nabi yang diutuskan Allah berdasarkan penafsiran Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang paling sempurna dan tidak yang terakhir, juga perutusan Mirza sebagai penerus syariat Muhammad s.a.w adalah tidak benar dan batil. Dakwaan Qadiani tentang kedatangan nabi lain selepas Nabi Muhammad s.a.w memperlihatkan bahawa ajaran Islam masih belum sempurna dan perlu kepada perutusan nabi baru untuk menyempurnakan lagi ajaran Islam. Kenyataan ini bertentangan dengan Firman Allah;<sup>36</sup>

الْيَوْمَ يَبِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ  
فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشُوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ  
دِينَكُمْ وَأَتَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ  
لَكُمْ أَلْيُسْلَمَ دِينًا

---

<sup>36</sup> Al-Maidah : 3.

Maksudnya;

*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikamat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.*

Firman Allah di atas membuktikan bahawa pegangan Qadiani bertentangan dengan al-Quran. Syariat Islam telah sempurna dengan berakhirnya perutusan Muhammad s.a.w. Pengakuan sebagai nabi sebagaimana dakwaan Mirza bukan perkara baru. Ia telah berlangsung semenjak kewafatan Rasulullah s.a.w dan akan berterusan hingga hari kiamat.

#### C) Beriman Dengan Kitab

Setiap mukmin perlu yakin dan beriman dengan kitab-kitab Allah yang mengandungi wahyuNya untuk para nabi, antaranya ialah al-Quran yang merupakan pelengkap kepada syariat Islam.

Beriman dengan kalam Allah mempunyai hubungkait dengan keimanan kepada para rasul kerana setiap rasul yang diutuskan Allah diturunkan bersamanya wahyu. Perbahasan mengenai wahyu merupakan rentetan dari perbincangan mengenai *khātam al-Nabiyyīn*. Ia sangat penting bagi mengenalpasti bahawa wahyu tidak lagi diturunkan kerana pengutusan nabi-nabi telah berakhir.

### 1) Wahyu dari sudut bahasa

Wahyu secara umum bermaksud menyampaikan sesuatu kepada orang lain. Definasi ini turut merangkumi isyarat, ilham, tulisan dan percakapan secara tersembunyi.<sup>37</sup> Ini memberi maksud mesej-mesej disampaikan dalam pelbagai cara tanpa pengetahuan orang lain.

Manakala al-Raghīb al-Asfahānī berpendapat bahawa wahyu pada asalnya memberi erti isyarat, tetapi ianya turut memberi maksud “*segera*”. Perkataan wahyu digunakan pada suara yang tidak tersusun atau isyarat dengan anggota atau dengan tulisan.<sup>38</sup> Justeru, wahyu dimaksudkan dengan isyarat yang segera sama ada menggunakan anggota ataupun secara penulisan.

Berdasarkan pelbagai pendapat tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa wahyu dari segi bahasa bermaksud menyampaikan sesuatu kepada orang lain secara rahsia dan segera, tanpa terbatas kepada individu tertentu dengan pelbagai cara sama ada percakapan, penulisan, isyarat serta ilham.

---

<sup>37</sup> Ibn Manzur, *op.cit.*, Jil. 64, hlm. 379.

<sup>38</sup> Al-Rāghib al-Asfahānī, Abī al-Qāsim al-Husayn ibn Muḥammad, *al-Mufradāt Fī Gharīb al-Qurān*, 1961, Tahqiq; Muḥammad Sayyid Kailānī, Cet. Terakhir, Mesir; Matba'at Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, hlm. 515.

2) Wahyu dari istilah syara.

Wahyu diiistilahkan sebagai kalam Allah yang disampaikan khusus kepada nabi-nabi utusanNya.<sup>39</sup> Dinamakan dengan wahyu kerana malaikat sebagai perantara merahsiakan daripada makhluk-makhluk yang lain dan hanya untuk nabi-nabi.<sup>40</sup> Wahyu dari Allah mengandungi perintah-perintahNya merangkumi ilmu dan petunjuk.<sup>41</sup>

Istilah wahyu dari segi syara lebih khusus tanpa pertentangan dengan maksud dari sudut bahasa yang lebih umum. Ini bererti, syara mentakrifkan wahyu sebagai kalam Allah disampaikan khusus kepada hamba-hambaNya yang terpilih terdiri dari para nabi dan rasul, mengandungi perintah-perintah Allah merangkumi ilmu serta petunjuk. Wahyu disampaikan sama ada secara langsung atau melalui perantaraan malaikat, secara sembunyi serta segera. Ini dengan sendiri menolak sebarang dakwaan bahawa manusia biasa boleh menerima wahyu. Ini selaras dengan firman Allah;

يُنَزِّلُ الْمَلَكَةَ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ، عَلَىٰ مَنْ  
يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنذِرُوهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا  
أَنَا فَاتَّقُونِ<sup>42</sup>

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Ibn Manzur, *op.cit.*, Jil. 64, hlm. 380.

<sup>41</sup> Al-Zurqānī, Muhammad 'Abd al-'Azīz, *Manāhil al-'Irfān Fi 'Ulūm al-Qurān*, 1988, cet. 1, Beirut; Dār al-Kutub al-'Ilmiyat, hlm. 64.

<sup>42</sup> Al-Nahl : 2.

Maksudnya;

*Ia menurunkan malaikat membawa wahyu dengan perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya (yang layak menjadi Rasul) (lalu Dia berfirman kepada rasul-rasul): "Hendaklah kamu menegaskan kepada umat manusia bahawa tiada Tuhan melainkan Allah. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepadaKu."*

Menurut Ibn Kathir, yang dimaksudkan dengan (نَبِيٌّ) ialah para nabi dan rasul.<sup>43</sup> Dengan itu, wahyu tidak diturunkan kepada yang selain dari mereka.

Justeru itu, hubungan wahyu dengan perbahasan *Khātam al-Nabiyīn* sebelum ini menunjukkan bahawa wahyu tidak diturunkan lagi selepas Nabi Muhammad s.a.w kerana baginda merupakan nabi yang terakhir, tiada lagi nabi selepas itu. Rumusan ini secara langsung menolak dakwaan bahawa wahyu masih diturunkan selepas Nabi Muhammad s.a.w wafat juga menafikan dakwaan Mirza bahawa beliau menerima wahyu dari Allah.

### 3) Cara-cara Wahyu diturunkan

Wahyu disampaikan kepada para Nabi dan Rasul dalam pelbagai cara. Ini dinukilkan bagi mempertegasan hakikat wahyu yang tersendiri

---

<sup>43</sup> Ibn Kathīr, *op.cit.*, Juz. 2, hlm. 561.

dan tidak boleh disamakan dengan tafsiran yang lain. Antara cara-cara tersebut ialah;<sup>44</sup>

- a) Permulaan wahyu disampaikan melalui mimpi yang benar. Munculnya dalam mimpi seperti cahaya di waktu fajar.
- b) Jibril memasukkan wahyu ke dalam hati Rasulullah s.a.w tanpa baginda melihat wajah Jibril.
- c) Malaikat datang kepada Rasulullah s.a.w menyerupai seorang lelaki dan menyampaikan wahyu kepadanya, seterusnya baginda menghafaznya. Kedatangan malaikat dalam keadaan tersebut kadangkala dapat dilihat oleh para sahabat.
- d) Wahyu disampaikan kepada Rasulullah s.a.w seperti suara loceng dan cara ini agak menyukarkan baginda, menjadikannya sangat berat, dahinya berpeluh, kenderaan yang ditunggangnya melutut kerana terlalu berat dan sekiranya baginda meletakkan tangan ke atas seseorang, akan terasa beratnya.
- e) Rasulullah s.a.w melihat Jibril dalam bentuknya yang asal dan menyampaikan wahyu kepada baginda sebagaimana yang dikehendaki Allah.

---

<sup>44</sup> Ibn al-Qayyim, al-Imām Syams al-Dīn Abī ‘Abd al-Lāh al-Jauziyyat, *Zād al-Ma’ād*, 1981, Tahqīq: Syu’āib al-Ar Naūt, Juz. 1, cet. 2, Beirut; Muassasat al-Risālat, hlm. 78-80. Selepas ini Ibn al-Qayyim.

- f) Allah menyampaikan wahyu kepada Rasulullah s.a.w ketika berada di langit pada malam Mi'raj baginda, iaitu berkenaan kewajiban solat.
- g) Allah menyampaikan kalamNya terus kepada Rasulullah s.a.w tanpa perantaraan malaikat sebagaimana Allah berkata-kata kepada Nabi Musa.

Berdasarkan cara-cara tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa wahyu secara khususnya disampaikan dalam tiga bentuk iaitu pertama; melemparkan isi wahyu ke dalam hati Nabi. Kedua; Allah berkata-kata secara langsung dengan Rasulullah s.a.w tanpa perantaraan malaikat. Ketiga; Allah mengutuskan malaikat kepada Nabi untuk menyampaikan perutusanNya. Malaikat yang menyampaikannya, berupa seorang lelaki atau dalam bentuknya yang asal.

#### **4) Perbezaan Wahyu Dengan Kasyaf**

Terdapat golongan yang menyamaertikan kasyaf ataupun ilham dengan wahyu sebagai satu usaha untuk membuktikan orang kebanyakkan mempunyai hubungan erat dengan Allah. Usaha-usaha ini secara tidak langsung telah menggugat keaslian maksud wahyu yang dikhurasukan kepada para Nabi dan Rasul. Fenomena ini juga melahirkan individu-individu yang mengaku diri mereka sebagai nabi. Justeru, bagi

mengelakkan kekeliruan ini, penulis bawakan maksud sebenar kasyaf serta perbezaannya dengan wahyu.

Kasyaf dari segi bahasa membawa maksud satu tindakan menyingkap dan membuka sesuatu yang terlindung atau tertutup.<sup>45</sup> Manakala menurut istilah pula ialah menyingkap maksud perkara-perkara misteri yang terdapat di alam ghaib ke alam realiti.<sup>46</sup> Ini bermaksud kasyaf ialah menterjemahkan hakikat perkara-perkara ghaib ke alam nyata. Secara tidak langsung dari maksud kasyaf ini, seseorang yang memiliki kasyaf dapat memahami perkara-perkara ghaib.

Namun begitu apabila diteliti perbezaannya dengan wahyu terdapat jurang besar yang menjarakkan keduanya dan terhindar dari persamaan maksud. Antaranya ialah;<sup>47</sup> Pertama; kasyaf tidak mengandungi makna atau bukti kejiwaan yang jelas dan terbatas kerana ianya terhasil dari latihan kerohanian yang mendalam atau satu natijah pemikiran yang penjang. Oleh sebab itu, ianya tidak dapat melahirkan satu keyakinan yang padu. Ianya hanya satu hakikat peribadi yang lahir dari hasil usaha sendiri tanpa menerima secara langsung dari Allah.

<sup>45</sup> Al-Zubaidi, *op.cit.*, Jil. 6, hlm. 233.

<sup>46</sup> E.Van Donzel, (et.al), *The Encyclopaedia Of Islam*, (New Edition), 1978, vol. 4, t.c., Leiden; E.J.Brill, hlm. 696.

<sup>47</sup> Subḥī Salleh, *Mabāḥith Fī 'Ulūm al-Qurān*, 1972, cet. 7, Beirut; Dār al 'Ilm Lil Malāyīn, hlm. 26.

Kedua; kasyaf ahli ‘arif sama seperti ilham ahli wasil. Kedua-kedua merupakan perasaan halus yang disedari oleh sanubari manusia tetapi tidak dalam bentuk yakin. Oleh sebab itu terdapat unsur-unsur luar mempengaruhi pembentukkan perasaan tadi seperti selera perseorangan dan perasaan sukaduka yang sedang menyelubunginya.

Perbezaan-perbezaan di atas jelas menunjukkan bahawa kasyaf atau ilham tidak sama kedudukannya dengan wahyu kerana ianya lebih menjurus kepada perasaan yang tidak dapat diyakini kebenarannya memandangkan punca asalnya bukan dari Allah berbanding dengan wahyu.<sup>48</sup> Walau setinggi mana seseorang itu telah mencapai darjat ilham atau kasyaf ia belum lagi sampai ke darjat kenabian dan wahyu kerana setiap wahyu disambut oleh Nabi dengan penuh sedar dan tanggungjawab.

Justeru, sebagai kesimpulannya, konsep wahyu yang dipegang oleh Qadiani bertentangan dengan ajaran Islam kerana secara tidak langung membuka ruang penerimaan wahyu kepada sesiapa sahaja dari kalangan manusia. Wahyu hanya dikhkususkan kepada para rasul dan nabi, dan seiring dengan berakhirnya perutusan rasul dan nabi. Wahyu juga tidak lagi diturunkan. Sehubungan dengan itu, dakwaan Mirza menerima wahyu adalah tidak benar dan batil.

---

<sup>48</sup> Mālik bin Nabi, *al-Zohirat al-Qurāniyyat*, 1986, Terj.; ‘Abd al-Sobūr Syāhin, t.c., t.k., Dār al-Fikr, hlm. 168.

#### **D) Imam Mahdi Akhir Zaman**

Kedatangan Imam Mahdi pada akhir zaman telah menjadi kepercayaan yang merata dikalangan umat Muhammad dari zaman ke zaman. Kemunculan al-Mahdi membawa keadilan serta kemakmuran pada dunia dihubungkaitkan dengan tanda besar berlakunya kiamat.

Namun begitu, Mahdi telah menjadi isu kontroversi dari dulu hingga sekarang dikalangan umat Islam sama ada di Malaysia juga negara-negara yang lain. Pelbagai kumpulan serta individu tampil mendakwa sebagai Imam Mahdi yang dijanjikan di dalam hadis-hadis nabi. Antara yang turut membuat dakwaan ialah Qadiani, dengan menampilkan Mirza sebagai Imam Mahdi yang ditunggu oleh umat Islam.

Sehubungan dengan itu, bagi mengenalpasti kesahihan dakwaan tersebut, penulis mengemukakan antara ciri-ciri Imam Mahdi menurut hadis-hadis yang dipegang oleh ASWJ sebagai perbandingan dengan Imam Mahdi pegangan Qadiani.

#### **1) Ciri-ciri Imam Mahdi Menurut Hadis**

Antara ciri-ciri Imam Mahdi yang disebut oleh Rasulullah s.a.w ialah al-Mahdi berasal dari keturunan baginda sendiri iaitu ahli Bait.

a). Al-Mahdi dari kalangan ahli Bait

عن علي قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
 المهدى من أهل البيت يصلحه الله فى ليلة <sup>49</sup>

Maksudnya;

*Dari 'Ali telah bersabda Rasulullah s.a.w; "al-Mahdi dari kalangan kami, iaitu ahli Bait, Allah beri kebaikan dengannya dalam satu malam."*

Menurut Ibn Manzur, ahli Bait bererti ahli keluarga Rasulullah s.a.w yang terdiri daripada isteri serta anak-anak baginda.<sup>50</sup> Ini bernaksud Imam Mahdi yang akan datang di akhir zaman berasal dari silsilah keturunan Rasulullah s.a.w.

Jika merujuk kepada keturunan Mirza sendiri, beliau berketurunan Borlos dari bangsa Monghul dan pada ketika yang lain mendakwa dari bangsa Parsi. Jelas di sini, tidak ada hubungan sama sekali dengan keturunan Rasulullah s.a.w juga tiada hubungan darah dengan baginda. Berdasarkan hadis di atas, Mirza bukanlah Imam Mahdi yang akan muncul di akhir zaman.

<sup>49</sup> Ibn Majah, *op.cit.*, Kitab al-Fitan, Bab Khurūj al-Mahdi, Juz 2, hlm. 1367.

<sup>50</sup> Ibn Manzur, *op.cit.*, Jil. 13, hlm. 30.

b). **Al-Mahdi berasal dari keturunan Fatimah**

Imam Mahdi yang akan muncul di akhir zaman diperincikan lagi ciri-cirinya oleh ASWJ iaitu bersusur galur dari keturunan Saidatina Fatimah binti Muhammad, iaitu anakanda Rasulullah s.a.w.

عن أم سلمة قالت سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
يقول المهدى من عترتي من ولد فاطمة<sup>51</sup>

Maksudnya;

*Dari Ummu Salamah, Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda.” al-Mahdi dari keturunanku iaitu anak cucu Saidatina Fatimah.”*

Mirza sebelum ini pernah membuat beberapa dakwaan tentang keturunan beliau antaranya berasal dari Bani Fatimah. Namun begitu, dakwaan-dakwaan tersebut tidak disertakan dengan bukti-bukti yang kukuh kecuali berlandaskan ilham semata-mata. Kepelbagaiannya dakwaan tentang keturunan menunjukkan Mirza sebenarnya bukan berasal dari keturunan Fatimah. Jika sebelum ini, telah dinyatakan Mirza berketurunan Borlos, maka hakikat tersebut menyakinkan lagi bahawa Mirza tidak menepati ciri-ciri Imam Mahdi yang akan muncul.

---

<sup>51</sup> Abī Dāud, Sulaymān ibn al-Asy'ath al-Sajastānī al-Azdī, *Sunan Abī Dāud*, t.t., Tahqīq; Muhammād Mahyy al-Dīn 'Abd al-Hamid, *Kitāb al-Mahdī*, Juz 4, t.c., t.k.; Dār al-Sunnat al-Nabawiyat, hlm. 107. Selepas ini Abī Dāud.

c). Mempunyai nama yang sama dengan Rasulullah

Rasulullah s.a.w menerusi sabda-sabda baginda menjelaskan bahawa Imam Mahdi yang akan memakmurkan dunia di akhir zaman mempunyai persamaan nama dengan baginda s.a.w. Antaranya;

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :  
لَا تَذَهَّبُ الدُّنْيَا حَتَّى يَمْلِكَ الْعَرَبَ رَجُلٌ  
مِنْ أَهْلِ بَيْتِيْ يُوْطَنِيْ إِسْمِي<sup>52</sup>

Maksudnya;

*Dari ‘Abd al-Lāh, bersabda Rasulullah s.a.w, “Dunia tidak akan gemilang sehingga muncul seorang dari keluargaku menguasai negara arab yang mana namanya menyamai namaku”.*

Sebagaimana yang diperjelaskan di dalam bab sebelum ini, nama sebenar Mirza ialah Mirza Ghulam Ahmad bin Ghulam Murtadha. Walaupun terdapat persamaan pada nama Ahmad yang mana Rasulullah s.a.w pernah menyebut antara nama baginda ialah Ahmad, namun nama bapa Mirza, Ghulam Murtadha bercanggah dengan nama bapa baginda iaitu ‘Abdullah. Mirza sering menonjolkan dirinya dengan nama Ahmad bagi menyesuaikan nama beliau dengan firman Allah dalam surah al-Soff ayat 6. Namun begitu, Mirza Ghulam Ahmad anak kepada Ghulam Ahmad Murthada bukanlah orangnya yang disebut oleh hadis Rasulullah s.a.w sebagai Imam Mahdi.

<sup>52</sup> Al-Tirmidhi, *op.cit.*, Kitāb al-Fitan, Bab Mā Jaa al-Mahdi, Juz 4, hlm 505. Hadis ini Hasan Sahih.

- d). Imam Mahdi akan di-Bai'ah antara Hajar al-Aswad dan Makam Ibrahim.

عن أم سلمة زوجة النبي صلى الله عليه وسلم ،  
عن النبي صلى الله عليه وسلم قال يكون اختلاف  
عبد موت خليفة فيخرج رجل من أهل المدينة  
هاربا إلى مكة ف يأتيه ناس من أهل ملة فيخرجونه ،  
وهو كاره فيباعونه بين الركن والمقام<sup>53</sup>

Maksudnya;

*Dari Ummu Salamah, isteri Rasulullah s.a.w., telah bersabda Rasulullah s.a.w. "Perselisihan terjadi di saat kematian khalifah (ketika itu), maka (al-Mahdi) iaitu seorang lelaki penduduk Madinah mlarikan diri ke Mekah dan diusir. Namun dia enggan lantas penduduk Mekah membaiahnya antara Hajar al-Aswad dan makam Ibrahim."*

Antara ciri-ciri al-Mahdi yang disebut dalam hadis di atas, Imam Mahdi muncul di Madinah dan menerima baiah umat Islam di Madinah iaitu antara Hajar al-Aswad dan makam Ibrahim. Sebagai perbandingan dengan Mirza, beliau dilahirkan di sebuah dusun di Qadian, Punjab, India. Beliau menerima baiah dari pengikut-pengikut beliau di Kota Ludhiana. Walaupun Mirza mempelbagaikan cerita-cerita tentang diri beliau, namun hakikat yang terhasil, Mirza tidak menepati ciri-ciri Imam Mahdi yang disebut dalam hadis di atas.

---

<sup>53</sup> Abi Daud, *op.cit.*, Kitab Mahdi, Jil. 4, hlm. 107.

Kesimpulan dari perbandingan di atas didapati bahawa Imam Mahdi yang diyakini kemunculan oleh Qadiani adalah berbeza dengan ciri-ciri Imam Mahdi yang disebut di dalam hadis-hadis yang menjadi pegangan ASWJ. Mirza Ghulam Ahmad bukanlah Imam Mahdi yang dinyatakan di dalam hadis nabi serta dakwaan beliau adalah tidak benar.

## 2) Penolakan Faktor Alam Sebagai Bukti Kebenaran Mirza.

Menurut pegangan Qadiani, kebenaran dakwaan Mirza sebagai Imam Mahdi disokong kukuh dengan kejadian alam iaitu kejadian gerhana bulan dan matahari selepas tiga tahun Mirza membuat pengakuan. Kejadian gerhana tersebut selaras dengan sebuah hadis yang didapati di dalam sunan al-Dar Ḥuṭṭī. Ulasan Qadiani berkenaan hadis tersebut telah penulis kemukakan di dalam bab yang ketiga.<sup>54</sup>

Sepanjang pengkajian penulis, hadis mengenai gerhana bulan dan matahari sebagai bukti kemunculan Imam Mahdi hanya didapati di dalam sunan al-Dar Ḥuṭṭī di dalam bab solat gerhana.<sup>55</sup> Namun begitu, hadis tersebut tidak boleh dijadikan hujah kerana risal sanad adalah ḏa'if iaitu 'Amru ibn Syamir dan Jabir al-Ja'fi.<sup>56</sup> Manakala di dalam buku 'Aqd al-

<sup>54</sup> Sila rujuk hlm. 162-165.

<sup>55</sup> al-Dār Ḥuṭṭī, 'Ali ibn Umar, *Sunān al-Dār Ḥuṭṭī*, t.t.; Bab Ṣolāt al-Kusūf wa al-Khusūf, Juz 2, t.c., Pakistan; Nasy al-Sunnat, hlm. 65.

<sup>56</sup> Ibn Hajar al-Asqalānī, *Lisān al-Mizān*, 1971, Jil. 4., cet. 2, Beirut; Muassasat al-'Alami, hlm. 366.

Dirār yang membincangkan tentang hadis-hadis Mardhiah, dalil gerhana bulan dan matahari ini diperolehi bukan dalam bentuk hadis.<sup>57</sup>

Kedatangan gerhana juga penciptaan bulan dan matahari tidak boleh dijadikan hujah atau bukti kedatangan mahupun kematian seseorang. Bahkan perkara tersebut merupakan sebahagian dari bukti kekuasaan Allah s.w.t. Ini jelas dapat dilihat dari hadis nabi;

عن أبي مسعود قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
الشمس والقمر لا ينكسفان لموت أحد ولا لحياته، ولكنهما  
آيتان من آيات الله فإذا رأيتموها فصلوا<sup>58</sup>

Maksudnya;

*"Matahari dan bulan tidaklah menjadi gerhana kerana kematian seseorang dan tidak pula kerana kehidupan atau kelahiran seseorang, tetapi keduanya itu adalah dua tanda dari beberapa tanda kekuasaan Allah. Maka apabila kamu melihat adanya dua gerhana tersebut, segeralah mengerjakan solat sunat gerhana."*

Berdasarkan perbahasan-perbahasan tersebut membuktikan bahawa Mirza Ghulam Ahmad bukanlah Imam Mahdi yang sebenar sebagaimana disebut di dalam hadis-hadis nabi. Sehubungan dengan itu, pegangan Qadiani tentang Imam Mahdi al-Muntazar adalah batil dan tidak benar.

<sup>57</sup> 'Ali ibn Hisām, *Kitāb al-Burhān Fi 'Alamāt Maḥdī Ākhir al-Dhamān*, 1988, Jil. 2, cet. 1, t.k., t.p., hlm. 718.

<sup>58</sup> Al-Bukhāri, *op.cit.*, Kitab al-kusūf, Jil. 2, hlm. 95.

*tentang siapa yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh kecuali mengikut prasangka belaka, mereka tidak yakin bahawa yang mereka bunuh adalah Isa (157) tetapi Allah telah mengangkat Isa kepadaNya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana (158).*

Al-Quran tidak menyebut secara jelas siapakah yang diserupakan dengan Nabi Isa sebagai ganti ketika proses penyaliban. Apa yang dinyatakan oleh ayat tersebut ialah Allah telah menyelamatkan Nabi Isa dari di salib dengan menyerupakan seseorang yang lain sama seperti baginda bagi mengelirukan golongan Yahudi.

#### 1). Nabi Isa Diangkat Ke Langit

Proses Nabi Isa diangkat ke langit turut menjadi perbahasan dikalangan para ulama. Terdapat dua pendapat yang masyhur berkenaan perkara tersebut. Pendapat pertama yang merupakan pendapat jumhur ulama ialah Nabi Isa diangkat ke langit dengan roh dan jasadnya. Manakala pendapat yang kedua berpegang bahawa Nabi Isa diselamatkan Allah dan diangkat rohnya sahaja ke langit.

Mereka yang berpegang pada pendapat bahawa Nabi Isa diangkat ke langit roh dan jasadnya, meyakini bahawa Nabi Isa belum mati dan masih hidup sehingga sekarang. Antara yang berpegang pada pendapat tersebut ialah Imam Qurtubi berdasarkan ayat 55 surah al-Imran. Menurut

pandangan beberapa ahli Ma'ani antaranya al-Dhohāk dan Farra', Firman Allah dalam ayat tersebut memberi maksud;

إِنِّي رَأَيْتُ إِلَيْيَ وَمُطْهَرِكَ مِنَ الظِّنَنِ كُفَّارًا  
وَمَتَوْفِيكَ بَعْدَ إِنْزَالِي إِلَيْكَ إِلَى الدِّينِ<sup>60</sup>

Maksudnya;

*Sesungguhnya Aku akan mengangkat engkau ke sisiKu dan membersihkan engkau dari (tipudaya) orang-orang kafir dan akan mematikan engkau selepas diturunkan dari langit.*

Ini menunjukkan bahawa Nabi Isa tidak wafat ketika diangkat ke langit oleh Allah dan proses tersebut berlangsung secara roh dan jasad.

Ibn Kathīr pula berpendapat bahawa Nabi Isa telah diangkat ke langit selepas Allah mematikan beliau secara tidur.<sup>61</sup> Ini memberi maksud, Nabi Isa diangkat seperti dalam keadaan pengsan, masih hidup dan tidak mati.

Manakala al-Tabārī berpendapat bahawa ayat 55 surah al-Imran merupakan hujah penolakan pendapat orang-orang Yahudi bahawa Nabi

<sup>60</sup> Al-Qurtubī, *op.cit.*, Juz. 4, hlm. 99.

<sup>61</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyat wa al-Nihāyat*, 1966, Juz 2, cet. 1, Beirut; Maktabat al-Ma'ārif, hlm. 91.

Isa tidak disalib dan dibunuh. Ini menunjukkan bahawa Nabi Isa tidak wafat dan masih hidup.<sup>62</sup>

Manakala golongan yang berpendapat Nabi Isa diangkat ke langit secara roh sahaja membawa maksud baginda dimatikan terlebih dahulu lalu diangkat rohnya ke langit. Antara yang berpendapat demikian ialah Mahmud Syaltut. Beliau mengulas maksud firman Allah bahawa Nabi Isa akan diangkat kepadaNya, sebagai Nabi Isa akan diwafatkan dan diangkat darjat kedudukannya serta terpelihara dari tipudaya orang-orang kafir.<sup>63</sup>

Begitu juga dengan Syeikh Muhammad Abduh ketika mengemukakan pandangan ulama yang menyatakan Nabi Isa diangkat roh sahaja dengan mengambil maksud al-Mutawaffā ( وال متوفى ) dengan makna yang nyata iaitu mati seperti biasa dan rafa'a ( رفع ) iaitu rohnya diangkat sesudah mati.<sup>64</sup>

Kedua-dua pendapat di atas membawa maksud bahawa Nabi Isa telah wafat ketika rohnya diangkat ke langit dan dalam masa yang sama Allah telah mengangkat darjat baginda serta terpelihara dari angkara Yahudi.

<sup>62</sup> Al-Tabarī, *op.cit.*, Juz. 3, hlm. 292.

<sup>63</sup> Syaltūt, Maḥmūd, *al-Fatāwā*, 1959, cet. 8, Kaherah; Maṭbū'āt al-Idāraṭ al-Āmat, hlm. 56.

<sup>64</sup> Muhammad 'Abduh, *Tafsīr al-Manār*, 1960, Juz 3, cet. 4, Mesir; Maktabat al-Qāhirat, hlm. 317.

Berdasarkan kedua-dua pendapat tadi, penulis lebih cenderung untuk menerima pendapat Nabi Isa diangkat ke langit bersama-sama jasad dan rohnya. Ini adalah kerana jika sekiranya Allah hanya mengangkat roh sahaja tanpa jasad, perkara ini tidak perlu dijelaskan secara khusus di dalam al-Quran kerana semua roh orang-orang saleh diangkat kepada Allah apalagi roh para anbiya' dan mursalin. Jika begitu keadaannya seolah-olah tiada apa-apa keistimewaan kepada Nabi Isa. Akan tetapi di dalam ayat tersebut Allah menjelaskan diangkat Nabi Isa kepadaNya sebagai satu tasyrif atau memuliakan baginda.

Disamping itu juga tidak terdapat sebarang perbahasan oleh para ulama mengenai tempat Nabi Isa disemadikan sekiranya benar baginda telah wafat kecuali hanya ditimbulkan oleh pihak Qadiani. Namun kenyataan Qadiani yang menyatakan kubur Nabi Isa dijumpai di Srinagar tidak disertai bukti-bukti yang kukuh serta tidak mendapat sebarang perakuan daripada mana-mana pakar sejarah mahupun alim ulama. Selain daripada itu, penulis juga berpendapat berpegang pada hujah bahawa Nabi Isa diangkat rohnya sahaja ke langit dikhawatiri boleh dijadikan alasan pihak-pihak tertentu membenarkan kenyataan bahawa Nabi Isa mati disalib.<sup>65</sup>

---

<sup>65</sup> Ulasan yang sama turut di beri oleh Khadijah Mohd Khambali, Konsep Trinity Menurut Agama Kristian Dan Pandangan Islam Terhadapnya, *Disertasi*, Kuala Lumpur; Universiti Malaya, hlm. 112.

## 2). Nabi Isa Diturunkan Di Akhir Zaman

Seterusnya, penulis akan turut mengupas persoalan yang penting ekoran perbahasan di atas iaitu tentang pengutusan semula Nabi Isa di akhir zaman juga dalam masa yang sama menilai kembali dakwaan Qadiani bahawa Nabi Isa yang dijanjikan itu adalah Mirza.

### a) Bukti Dari al-Quran

Al-Quran tidak menyebut secara jelas tentang penurunan Nabi Isa di akhir zaman. Namun, terdapat ayat-ayat al-Quran memberikan isyarat yang jelas tentang perkara tersebut. Antaranya Firman Allah;

إِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَمْرِئُمْ إِنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكِ  
بِكَلْمَةٍ مَنْهُ أَسْمُهُ الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ  
وَجِيئًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقْرَبِينَ ④  
وَيَكِيلُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ الصَّالِحِينَ ⑥

Maksudnya;

(Ingatlah) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! Bahawasanya Allah memberikan khabar yang menggembirakanmu, dengan (mengurniakan seorang anak yang engkau akan kandungkan semata-mata dengan) kalimah daripada Allah nama anak itu: al-Masih Isa Ibni Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat, dan ia juga dari orang yang didampingkan (diberi kemuliaan di sisi Allah).(45) Dan ia akan berkata-kata kepada orangramai semasa ia masih kecil dalam buaian, dan semasa ia dewasa, dan ia adalah dari orang yang salih.(46)

---

<sup>66</sup> Al-Imran : 45 – 46.

Bukti penting di sini ialah " وَنَكِيلُمُ النَّاسَ فِي الْتَّهْدِيدِ وَكَهْلًا " - bermaksud " dan ia akan berkata kepada orang ramai semasa ia masih kecil dalam buaian dan ketika ia dewasa ". Kebanyakan ahli tafsir menafsirkan bahawa yang berkata-kata tersebut ialah Nabi Isa. Baginda berkata-kata di dalam buaian sewaktu membela ibunya Maryam dan juga akan berkata-kata lagi selepas diturunkan dari langit pada akhir zaman.<sup>67</sup> Ini membuktikan bahawa perutusan kembali Nabi Isa adalah benar dan baginda akan diturunkan dari langit di akhir zaman.

#### b). Bukti Dari Hadis

Hadis-hadis Nabi turut memperincikan tentang perutusan kembali Nabi Isa dan disepakati oleh para ulama. Antara hadis-hadis yang menyebut tentang perkara tersebut adalah seperti berikut;

i).

سمع أبا هريرة رضى الله عنه عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :  
لا تقوم الساعة حتى ينزل فيكم ابن مريم حكماً مقسطاً فيكسر الصليب  
ويقتل الخنزير ويضع الجزية ويفيض المال حتى لا يقبله أحد .<sup>68</sup>

Maksudnya;

*Abu Hurairah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, " Tidak akan datang kiamat sehingga turunnya Ibn Maryam kepada kamu sebagai hakim yang adil lalu menghancurkan salib, membunuh babi, menghapuskan pajak dan harta melimpah ruah sehingga tidak ada seorang yang menerimanya."*

<sup>67</sup> Al-Qurtubī, *op.cit.*, Juz. 4, hlm. 90.

<sup>68</sup> Al-Bukhārī, *op.cit.*, Kitab al-Mazōlim, Jil. 3, , hlm. 272.

ii).

عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ليس بيني وبينهنبي - يعني عيسى - وانه نازل، فإذا رأيتاه فاعرفوه: رجل مريوع، إلى الحمرة والبياض، بين مصرتين، كان رأسه يقطر وإن لم يصبه ببل، فيقاتل الناس على الإسلام، فيدق الصليب، ويقتل الحنزيز، ويضع الجزية، وبهلك الله في زمانه كلها إلا الإسلام، وبهلك المسيح الدجال فيمكث في الأرض أربعين سنة ثم يتوفى فيصلى عليه المسلمين.<sup>69</sup>

Maksudnya;

*Dari Abi Hurairah, bahawa Nabi s.a.w bersabda: Tidak terdapat antara saya dan Isa seorang nabi pun. Sesungguhnya Isa akan diturunkan, jika kamu melihatnya maka kamu akan mengenalinya, seorang lelaki yang sederhana perawakannya, berkulit putih kemerahan, dikepalanya kelihatan titik air walaupun tidak dibasahi air, dia memerangi manusia (yang menentang Islam) demi menegakkan kedaulatan Islam, mematahkan salib, membunuh babi, menghapuskan jizyah dan Allah membinasakan semua agama di zaman itu kecuali agama Islam. Beliau (Isa) hidup selama 40 tahun sebelum beliau wafat dan disembahyangkan oleh orang-orang Islam.*

iii).

وعن النواس بن سمعان الكلابي قال ذكر رسول الله صلى الله عليه وسلم الدجال فقال إن يخرج وانا فيكم فانا حجيج دونكم، وان يخرج وست فيكم فامرؤ حجيج نفسه والله خليفتي على كل مسلم فمن ادركه منكم فليقرأ عليه فواتح سورة الكهف فإنها جواركم من فتنه)). قلنا: وها لبته في الأرض؟ قال ((لأربعون يوماً يوم كستنة ويوم كشهر و يوم كجمعة و سانر أيامه ك أيامكم)) فقلنا: يا رسول الله هذا اليوم الذي كستنة انكفيانا فيه الصلاة يوم وليلة؟ قال (( لا، أقدروا له قدره، ثم ينزل عيسى بن مریم عند المنارة البيضاً، شرقى دمشق فيدركه عند باب لد فيقتله.<sup>70</sup>

<sup>69</sup> Abī Dāud, *op.cit.*, Kitab al-Malāhim, Bab Khurūj al-Dajjāl, Juz. 4, hlm. 115.

<sup>70</sup> *Ibid.*

Maksudnya;

*Dari padanya al-Nawās ib Sam'ān al-Kalābi berkata, Rasulullah telah menyebut tentang dajjal dengan bersabda; Jika dajjal muncul ketika aku masih bersama-sama kamu, maka akulah yang akan mempertahankan kamu untuk berhujah dengannya, tetapi jika ketika ia muncul aku sudah tiada lagi (wafat) maka setiap seorang dari kamu adalah pembela diri masing-masing dan Allah yang akan membela orang-orang Islam. Barangsiapa berjumpa dajjal, hendaklah ia membaca permulaan surah al-Kahfi kerana (surah ini) teman kamu untuk mempertahankan diri dari fitnah dajjal. Kami bertanya, berapa lama ia (dajjal) tinggal dipermukaan bumi ini? Jawab baginda, 40 hari. Sehari seperti setahun dan sehari seperti sebulan dan sehari seperti seminggu dan seluruh harinya seperti hari-hari kamu. Lalu kami bertanya, wahai Rasulullah adakah sama solat sehari semalam kami dengan sehari yang seperti setahun itu? Jawab nabi, tidak memadai, hendaklah kamu menilai menurut kudratnya. Kemudian turunlah Isa bin Maryam di Menara al-Baid' di timur Damsyik lalu bertemu dajjal di Bab al-Lud dan membunuhnya.*

Berdasarkan hadis-hadis di atas, dapat difahami bahawa Nabi Isa bin Maryam akan diutuskan kembali sebagai salah satu tanda hampirnya kiamat. Perutusan Nabi Isa bukanlah kedatangan kedua secara kiasan sepertimana yang didakwa oleh Qadiani akan tetapi perutusan kembali Nabi Isa ke dunia.

Perutusan beliau itu secara penurunan dari langit bukannya melalui proses kelahiran yang baru. Nabi Isa yang diutuskan merupakan Isa anak kepada Maryam yang dilahirkan tanpa bapa bukannya seseorang lain, disamakan secara kiasan. Konsep jelmaan kembali dalam bentuk yang lain merupakan salah satu konsep kepercayaan dalam agama Hindu dan perkara tersebut bertentangan dengan Islam.

Nabi Isa yang diutuskan ini memainkan peranan sebagai hakim yang adil dan bukannya sebagai nabi yang baru.<sup>71</sup> Ini bermakna perutusan Nabi Isa tidak menyalahi konsep *khātam al-Nabiyin* sepetimana dibincangkan sebelum ini kerana beliau bukan berperanan sebagai nabi yang baru bahkan beliau telahpun diutus sebelum ini kepada bani Israil.

Nabi Isa akan turun dari langit ke Manarah al-Baidho' di timur Damsyik. Beliau akan memusnahkan salib-salib sehingga tiada lagi penganut-penganut kristian selepas itu dan juga akan membunuh khinzir sehingga tiada lagi orang yang memakannya selepas itu. Seluruh umat manusia akan disatukan ke dalam Islam dan tiada lagi agama selain Islam selepas Nabi Isa diutuskan. Keberkatan akan diperolehi dengan melimpahnya harta disebabkan keadilan dan kemakmuran dari pentadbiran Islam.<sup>72</sup>

Sebagai kesimpulannya, jika dibandingkan ciri-ciri khusus Nabi Isa yang disebutkan di dalam hadis-hadis dengan Nabi Isa pegangan Qadiani, jelas menunjukkan Mirza Ghulam Ahmad bukanlah Nabi Isa yang sebenar serta jauh terpesong dari kenyataan. Zahir nama sudah menunjukkan Mirza bukannya nabi Isa yang dimaksudkan, begitu juga dengan ibu

<sup>71</sup> Al-Nawawi, Muhyī al-Dīn Abū Zakariyyā Yahyā ibn Syarif, *Saḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Nawawi*, 1994, t.c., Beirut; Dār al-Ma'rifa, hlm. 190.

<sup>72</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī, Bi Syarḥ al-Saḥīḥ al-Imām ibn 'Abd al-Lāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī*, 1985, Juz. 6., cet. 3, Beirut; Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, hlm. 383.

beliau, Chiragh Bibi dan Mirza mempunyai bapa yang bernama Ghulam Murtadha. Nabi Isa diturunkan dari langit ke timur Damsyik manakala Mirza dilahirkan di Qadian, India. Selepas Mirza mengaku sebagai Nabi Isa, maksiat masih berleluasa seiring dengan perkembangan agama-agama lain.

### 3). Nabi Isa, Imam Mahdi : Dua Peribadi

Menurut ajaran Qadiani, Nabi Isa dan Imam Mahdi merupakan satu wujud yang sama bukanlah dua orang yang berasingan tetapi seorang dengan dua nama. Kenyataan ini dibuat bagi memastikan keselarasan perkara tersebut dengan dakwaan Mirza. Mereka mendatangkan hadis berikut sebagai membuktikan kebenaran pegangan mereka.

حدَثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ خَالِدٍ الْجَنْدِيُّ عَنْ أَبِيهِ بْنِ صَالِحٍ عَنِ الْحَسَنِ  
عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَزِدُ دَادَ  
الْأَمْرِ إِلَّا شَدَّةً وَلَا الدِّينِ إِلَّا ادْبَارًا . وَلَا النَّاسُ إِلَّا شَحَّا وَلَا تَقُومُ  
السَّاعَةُ إِلَّا عَلَى شَرَارِ النَّاسِ وَلَا مَهْدِيٌ إِلَّا عَيْسَىٰ بْنُ مَرْيَمٍ.  
<sup>73</sup>

Maksudnya;

*Telah bercerita kepadaku Muḥammad ibn Khālid al-Jundi daripada Abān ibn Ṣöleh daripada al-Hasan daripada Anas ibn Mālik bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Tiada bertambah urusan dihari itu melainkan semakin sukar, dan dunia semakin berlalu sedangkan manusia semakin kikir, dan tidaklah terjadi kiamat melainkan ketika keadaan*

---

<sup>73</sup> Ibn Majah, *op.cit.*, Kitab al-Fitan, Bab Syidat al-Dhamān, Juz. 2, him. 1340.

*manusia semakin rosak dan tidaklah Mahdi melainkan Isa ibn Maryam.”*

Namun begitu, setelah dibuat penelitian didapati hadis ini adalah dhoif kerana berlaku pertikaian terhadap perawinya Muhammad ibn Khālid al-Jundi, Abān ibn Sōleḥ dan al-Ḥasan.<sup>74</sup> Sehubungan dengan itu membuktikan dakwaan Qadiani tentang kedudukan Mirza sebagai Imam Mahdi dan Nabi Isa dalam satu masa adalah tidak benar.

Begitu juga jika merujuk kepada ciri-ciri Imam Mahdi dan Nabi Isa sebelum ini, menjelaskan bahawa Nabi Isa dan Imam Mahdi merupakan dua orang yang berbeza, bukan seorang manusia mampunya kedua-dua peribadi tersebut. Namun begitu, perutusan keduanya membawa matlamat yang sama, menjadi pemimpin umat Islam di akhir zaman, menyatukan mereka ke dalam Islam. Kedatangan mereka juga tidak menyalahi konsep *khātam al-Nabīyyīn* kerana mereka bukan diutuskan sebagai nabi yang baru tetapi pemimpin umat di akhir zaman serta sebagai salah satu dari tanda-tanda kedatangan kiamat.

#### F). **Jihad Fisabilillah; Teras Kedaulatan Ummah**

Islam adalah al-Din yang syumul berteraskan kepada akidah Tauhid. Islam tidak mungkin akan tegak kukuh dalam kehidupan muslim

<sup>74</sup> Al-Albānī, Muhammād Nāṣir al-Dīn, *Silsilat al-Āḥādīth al-Do'iṭat wa al-Mauḍū'at*, 1992, Jil.1, cet. 1, Riyad; Maktabat al-Ma'ārif.

tanpa pengamalan secara total. Islam juga tidak dapat tegak sebagai sistem yang menyeluruh, seandainya ia tidak wujud sebagai satu sistem pemerintahan teguh.

Untuk menjamin keutuhan Islam dan umatnya, Allah telah mensyariatkan amar makruf dan nahi mungkar. Kemuncaknya ialah menuntut seseorang mukmin mengorbankan jiwanya dan hartanya demi menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan.

Justeru, perbahasan mengenai jihad adalah penting dalam bab ini sebagai satu perbandingan dengan teori Qadiani yang telah menolak konsep jihad dengan pedang serta berpegang bahawa kewajiban seseorang mukmin hanya berjihad dengan al-Quran dan menentang hawa nafsu.

#### **1) Pengertian Jihad**

Jihad dari segi bahasa memberi maksud keberatan dan kesusahan. Menurut Ibn Manzur, jihad ialah mengembeling segenap kekuatan dan kemampuan di dalam perperangan, atau dengan lidah mahupun sebarang kekuatan yang lain.<sup>75</sup>

Ini bermaksud jihad ialah pengembelingan segenap kekuatan dan kemampuan yang ada untuk sesuatu matlamat. Jihad dari sudut yang lebih

---

<sup>75</sup> Ibn Manzur, *op.cit.*, Jil. 13, hlm. 135.

khusus diperjelaskan oleh Ibn Taimiyah sebagai berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan sesuatu yang diredhai Allah dari keimanan, ‘amal solih dan menolak sesuatu yang dimurkai Allah dari kekufuran, kefasikan dan kedurhakaan.<sup>76</sup>

Ini memberi erti jihad merupakan usaha amar makruf nahi mungkar yang wajib dilaksanakan dalam pelbagai cara.

Menurut perspektif Islam, jihad ialah menggerakkan seluruh kekuatan dan kesungguhan untuk menegakkan agama Allah, membela kebenaran dan menentang kejahanatan.<sup>77</sup>

Berdasarkan pengertian-pengertian jihad tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa jihad merupakan suatu perjuangan di jalan Allah bagi menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran dengan jiwa dan harta benda serta kekuatan dan apa yang dimiliki untuk menegakkan agama Allah.

## 2). Hukum Jihad

Jumhur ulama telah bersepakat bahawa hukum jihad adalah fardhu kifayah.<sup>78</sup> Ini bermaksud, apabila tugas jihad tersebut telah dilaksanakan

<sup>76</sup> Muhammad Na‘im Yasin, *al-Jihād Ma‘ādinuhu wa Asālibuhu*, 1978, al-Urdun; Maktabat al-Aqsā, hlm. 6.

<sup>77</sup> Syalabi, Ahmad, *al-Jihād Fī al-Tafkīr al-Islāmī*, 1968, cet. 1, Kaherah; Maktabat al-Nahdat, hlm. 2.

<sup>78</sup> Ibn Rushd, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad, *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtashid*, 1981, cet. 5, Mesir; Maktabat Maṭba‘at Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, hlm. 380.

oleh sebahagian umat Islam, maka sebahagian yang lain akan terlepas dari kewajiban tersebut. Perkara tersebut diperjelaskan di dalam firmanNya;<sup>79</sup>

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ  
مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَابَةً لَّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ  
وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ◎

Maksudnya;

*Dan tidaklah (betul dan elok) orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).*

Namun begitu, hukum fardu kifayah akan menjadi fardu ain ke atas setiap individu muslim dengan sebab-sebab berikut;<sup>80</sup>

- i) Bila seseorang mukalaf berada dalam pasukan yang berperang.
- ii) Apabila musuh menyerang tempat atau negara di mana kaum muslimin tinggal, maka pada waktu itu seluruh penduduk wajib turut serta melawan musuh.

<sup>79</sup> Al-Taubah : 122.

<sup>80</sup> Sayyid Sâbiq, *Fiqh al-Sunnat*, 1994, Jil. 3, cet. 11, Kaherah; Dâr al-Fâth Li al-l'lâm al-'Arabi, hlm. 85.

- iii) Apabila hakim mengarahkan individu-individu untuk berperang, tanggungjawab tersebut tidak boleh ditolak.

Antara dalil-dalil al-Quran yang menjelaskan kewajipan jihad adalah seperti berikut;

i).

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ  
تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا  
شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ  
لَا تَعْلَمُونَ ⑧١

Maksudnya;

*Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan), sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang Mengetahui (semuanya itu) sedang kamu tidak mengetahuinya.*

ii).

قَاتَلُوا الَّذِينَ لَآيُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَرْمِ آخِرٍ  
وَلَا يَحْرِمُونَ مَا حَرَمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ  
الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ حَتَّىٰ يُعْطُوا  
الْجِزْيَةَ عَنْ يَدِهِمْ صَفِرُونَ ⑧٢

<sup>81</sup> Al-Baqarah : 216.

<sup>82</sup> Al-Taubah : 29.

Maksudnya;

*Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan ta'at dan merendah diri.*

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran tersebut, jelas di sini bahawa jihad merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan sesuai dengan tujuan pensyariatan jihad iaitu untuk mempertahankan diri, menentang kezaliman, membebaskan tanahair dari belenggu penjajah dalam usaha untuk membuka ruang dakwah kepada kebenaran dan hidayah.

### 3). Peringkat-peringkat Jihad

Menurut Ibn al-Qayyim, jihad boleh dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu; <sup>83</sup>

#### a). Jihad Menentang Hawa Nafsu

Manusia diciptakan Allah boleh mencapai kebaikan dan kejahanan melalui daya usaha, ikhtiar dan kehendaknya dengan diiringi taufik serta keizinanNya. Firman Allah,<sup>84</sup>

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّهَا ④ فَالْهَمَّهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَهَا ④  
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّيْهَا ④ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ④

<sup>83</sup> Ibn al-Qayyim, *op.cit.*, Jil. 3, him. 9.

<sup>84</sup> Al-Syams : 7-10.

Maksudnya;

*Dan jiwa serta penyempurnaananya (penciptaan) maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu jalan kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorkannya.*

Jihad menentang hawa nafsu merupakan asas kepada segala jihad. Bersumberkan jihad ini, lahir peringkat-peringkat lain di dalam jihad. Menurut Ibn Qayyim, jihad terhadap musuh-musuh luaran adalah merupakan satu cabang daripada jihad seorang hamba terhadap nafsunya.<sup>85</sup> Ini menunjukkan bahawa jihad sebenar tidak dapat dilakukan oleh seorang mukmin tanpa terlebih dahulu membebaskan diri dari dorongan hawa nafsu.

#### b). Jihad Menentang Hasutan Syaitan

Allah s.w.t menerangkan matlamat sebenar syaitan iaitu untuk menyesatkan anak Adam melalui firmanNya;<sup>86</sup>

قَالَ فِيمَا أَغْوَيْتَنِي لَا قُعْدَنَ لَهُمْ صِرَاطَكَ  
الْمُسْتَقِيمَ ۝ ثُمَّ لَا تَنْهَمُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ  
وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَانِهِمْ وَعَنْ شَمَائِلِهِمْ  
وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَكِيرِينَ ۝

<sup>85</sup> Ibn al-Qayyim, *op.cit.*, Jil. 3, hlm. 6.

<sup>86</sup> Al-A'raf : 16-17

Maksudnya;

*Iblis berkata: "Oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka dari jalan-Mu yang lurus; Kemudian aku akan mendatangi mereka dari hadapan dan dari belakang, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan dapat kebanyakan mereka bersyukur"*

Jihad menentang hasutan syaitan bermaksud menggembeleng segala usaha dan tenaga untuk menghindarkan diri dari pengaruh-pengaruh syaitan. Langkah awal yang perlu diambil oleh seorang mukmin ialah dengan mengubah cara hidup supaya menepati landasan yang diredhai Allah.

#### c). Jihad Menentang Golongan Kafir

Jihad menentang golongan kafir adalah perjuangan menentang manusia yang kufur terhadap Allah dan bersikap memusuhi Islam serta umatnya. Golongan ini tidak akan membiarkan risalah Islam berkembang kepada seluruh manusia. Firman Allah;<sup>87</sup>

وَلَا يَرَأُونَ يُقْتَلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ  
عَنِ دِينِكُمْ إِنِّي أَسْتَطِعُ وَ ◎

Maksudnya;

*Mereka itu tidak berhenti-henti memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari Din kamu (kepada kekafiran).*

<sup>87</sup> Al-Baqarah : 217.

Jihad menentang golongan kuffar merangkumi pelbagai cara antaranya melalui lisan dan tangan. Jihad melalui lisan meliputi segala usaha dakwah dan jihad melalui tangan ialah dengan kekuatan senjata atau khususnya secara peperangan (Jihad Qital).

#### d). Jihad Menentang Golongan Munafiq

Diantara musuh Islam yang paling merbahaya ialah golongan munafik. Golongan ini berpura-pura beriman dan menyembunyikan kekufuran mereka. Sentiasa berusaha untuk memecahbelahkan perpaduan umat Islam dan bersabahat dengan golongan kafir. Justeru sikap yang merbahaya ini, Allah telah mewajibkan para mukmin untuk berjihad menentang mereka. Firman Allah;<sup>88</sup>

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَهْدُ الْكُفَّارِ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلُظُ  
عَلَيْهِمْ وَمَا وَهُمْ بِهِمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ◎

Maksudnya;

*Wahai Nabi, berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan munafik, serta bertindak keras terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah Neraka Jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.*

---

<sup>88</sup> Al-Taubah : 73

Golongan munafik apabila telah dikenalpasti sifat-sifat mereka, perlu dinasihati supaya bertaubat dan jika sekiranya engkar, perlu diperangi bagi memastikan keutuhan umat Islam.

Berdasarkan peringkat-peringkat jihad tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa konsep jihad tidak terhenti hanya kepada jihad melawan nafsu semata-mata bahkan melibatkan penentang khusus kepada golongan-golongan kafir dan munafik. Penentangan tersebut perlu dilakukan dengan kekuatan senjata bagi mempastikan golongan ini tidak menghalang perkembangan Islam.

#### **4). *Jihad Qital – Kemuncak Jihad Fisabililah***

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w mempunyai matlamat yang satu iaitu membawa manusia keseluruhannya kepada pengabadian sebenar iaitu menyembah Allah, bukan kepada penyembahan manusia dan taghut. Islam tidak melakukan paksaan dalam perkara-perkara yang berhubungkait dengan keyakinan dan iktikad seseorang. Islam memberi ruang seluasnya untuk manusia memilih pegangan masing-masing selepas peluang yang secukupnya diberi untuk memahami risalah Islam.

Namun Islam tidak dapat bertolak ansur dengan sebarang usaha yang bertujuan menghalang manusia lain dari mendalaminya Islam. Anasir-

anasir yang cuba menyekat manusia lain dari menerima hidayah Ilahi perlu diperangi dan dihapuskan dari muka bumi ini. Justeru, *jihad qital* atau jihad mengangkat senjata diwajipkan di dalam Islam. Di dalam Islam, qital atau peperangan merupakan satu keperluan juga satu ibadah yang tinggi nilainya di sisi Allah.

Islam tidak pernah menetapkan bahawa *jihad qital* sebagai satu yang bersifat mempertahankan diri semata-mata. Islam berhak menyerang dan menentang kuasa-kuasa yang mempunyai tujuan untuk membawa kesesatan dalam kehidupan manusia dan menegakkan kembali kebenaran serta kemurnian di atas muka bumi. Firman Allah;<sup>89</sup>

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الَّذِينَ لِلَّهِ  
فَإِنَّ أَنَّتَهُرُوا فَلَا عُدُونَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ ◎

Maksudnya;

*Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada perrusuhan lagi melainkan terhadap orang yang zalim.*

Menurut al-Tābarī, maksud “sehingga tiada fitnah” ialah sehingga tiada lagi pengabdian selain kepada Allah.<sup>90</sup> Ini bermaksud, kemakmuran hanya akan dicapai setelah seluruh manusia kembali kepada pengabdian

<sup>89</sup> Al-Baqarah : 194.

<sup>90</sup> Al-Tābarī, *op.cit.*, Juz. 2, hlm. 194.

kepada Allah. Sebarang usaha untuk menidakkannya perkara tersebut perlu ditentang.

Berdasarkan penjelasan di atas, menunjukkan bahawa kemuncak kepada *jihad fi sabililah* ialah *qital* atau peperangan. Allah Yang Maha Mengetahui mensyariatkan peperangan dengan tujuan menghapuskan golongan yang menyesatkan dan menindaskan umat manusia. Ini dengan sendirinya menolak hujah Qadiani yang menyatakan bahawa *jihad qital* bukan lagi menjadi kewajipan kepada orang-orang Islam. Menurut dakwaan mereka, *jihad qital* tidak diperlukan lagi bersandarkan alasan bahawa Inggeris memberi kebebasan beragama, namun perlu diingat kebebasan tersebut hanya diberikan kepada pengikut-pengikut Qadiani yang berpegang pada ajaran tafsiran Mirza dan dalam masa yang sama menindas umat Islam yang lain serta menyekat kebebasan untuk mengamalkan Islam yang sebenar. Golongan kuffar tidak akan berdiam diri dan berhenti dari menyesatkan umat Islam sehingga mereka berjaya membawa umat Islam kepada agama mereka. Firman Allah;<sup>91</sup>

وَلَنْ تُرْضِيَ عَنِكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَبَعَ  
مَلَّتُهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَبِنِ آتَيْتُ  
أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ أَذْنِى جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَالَكَ مِنَ  
اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٌ ◎

---

<sup>91</sup> Al-Baqarah : 120.

Maksudnya;

*Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahai yang memberi kebenaran), maka tiadalah engkau akan perolehi dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu.*

#### 5). Jihad Hawa Nafsu, Jihad Besar : Satu Analisa

Terdapat golongan yang berpegang pada pendapat bahawa jihad memerangi musuh adalah tergolong dalam jihad kecil, sedangkan jihad memerangi hawa nafsu merupakan jihad besar. Antara yang berpegang pada pendapat tersebut ialah pengikut-pengikut Qadiani. Pendapat tersebut berdasarkan sebuah riwayat;<sup>92</sup>

رجعنا من الجهاد الأصغر إلى الجهاد الأكبر:  
قالوا وما الجهاد الأكبر؟ قال جهاد القلب.

Maksudnya;

*Kami kembali dari perang yang kecil untuk perang yang lebih besar. Kami bertanya Rasulullah apakah jihad yang besar, sabda baginda : Jihad hati.*

Ada golongan yang menggunakan riwayat di atas sebagai usaha untuk mengalihkan pandangan umat Islam terhadap kepentingan jihad secara peperangan. Setelah dibuat penelitian, didapati riwayat di atas

<sup>92</sup> Al-Ghazālī, Abī Hāmid Muhammād ibn Muhammād, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, t.t., Jil. 3, t.c., Beirut; Dār al-Ma'rifa, hlm. 7. 'Iraqī ketika mentakhrij hadis ini menyebut hadis ini diriwayatkan oleh al-Baihaqī dari Jābir dengan sanad yang dhoif.

bukan sebuah hadis, tetapi merupakan athar Ibrahim ibn ‘Abrahah.<sup>93</sup> Ungkapan tersebut sememangnya masyhur dikalangan umat Islam sehingga ia dianggapkan sebagai sebuah hadis Rasul.

Namun begitu, seandainya riwayat di atas merupakan hadis sahih, ianya tidak bertujuan menafikan *jihad qital*. Akan tetapi maksud sebenarnya adalah perihal kewajipan melawan hawa nafsu di dalam seluruh kehidupan mukmin.<sup>94</sup>

Berdasarkan perbahasan tersebut, walaupun terdapat pendapat yang menyatakan bahawa athar di atas merupakan sebuah hadis, namun, sanadnya adalah dhoif. Ini menunjukkan hujah Qadiani bagi memperkuatkan penolakan mereka kepada jihad secara peperangan dengan mengenengahkan kewajipan utama kepada jihad nafsu adalah batil. Jihad melalui peperangan merupakan kemuncak kepada jihad fi sabilillah dan sebelum berjaya melaksanakannya, seorang muslim perlu membersihkan diri dari tuntutan nafsu dengan keikhlasan. Allah telah menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang berperang padaNya demi menegakkan al-Din yang syumul. Firman Allah,<sup>95</sup>

<sup>93</sup> Al-Jabari, ‘Abd al-Muta’āl Muhammad, *al-Musytahir Min al-Hadīth*, 1987, cet. 1, Maktabat Wahbat, hlm. 203.

<sup>94</sup> Al-Banna, Hasan ibn Ahmad ibn ‘Abd al-Rahman, *Majmū‘at Rasā'il al-Imām al-Syahid Hasan al-Banna*, 1988, t.c., al-Manṣurat; Muṭābi‘ al-Wafa’, hlm. 289.

<sup>95</sup> Al-Saff : 10-11.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ هَلْ أَذْلَكُمْ عَلَىٰ تَجْرِيَةِ  
تُنْجِيْكُم مَنْ عَذَابَ أَلِيمٍ ⑥ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ وَتَجْهَدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِاَمْوَالِكُمْ  
وَأَنفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ⑦

Maksudnya;

*Wahai orang yang beriman! Mahukah aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? (10) Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (11)*

Sabda Rasulullah,

عن أبي هريرة قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول  
مثل السجاحد في سبيل الله والله اعلم بمن يجاهد في سبيله بان  
يتوفاه ان يدخله الجنة او يرجعه سالما مع اجر او غنية.<sup>96</sup>

Maksudnya;

*Dari Abu Hurairah, Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, "Perumpamaan orang yang berjihad pada jalan Allah - (Dan Allah Maha Mengetahui orang yang berjihad pada jalanNya) adalah seumpama orang yang berpuasa (di siang hari) dan menunaikan solat dengan tekun (di malam hari). Dan Allah menjamin orang yang berjihad pada jalanNya dengan mematikannya untuk dimasukkan ke dalam syurga atau mengembalikannya dengan selamat bersama pahala dan rampasan perang.*

---

<sup>96</sup> Al-Bukhārī, *op.cit.*, Kitab al-Jihād wa al-Siyar, Jil. 4, him. 68.

Kesimpulannya, jihad fisabilillah merupakan satu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam dan ianya merupakan tunggak kekuatan ummah. Tanggungjawab ini tidak akan terhenti selagimana usaha-usaha dari golongan kuffar untuk menyesatkan umat Islam masih berterusan. Umat Islam akan terhina apabila meninggalkan tanggungjawab dakwah dan jihad, sebaliknya akan terus mulia di sisi Allah serta digeruni musuh apabila menghayati konsep ini.

Penolakan Qadiani kepada *jihad qital* merujuk kepada hubungan baik yang terjalin antara Mirza dengan Inggeris serta kebebasan yang diberikan untuk terus mengamalkan ajaran Qadiani yang bertopengkan Islam. Sejarah membuktikan, hubungan baik antara Inggeris dan Mirza selaku pengasas Qadiani bertitik tolak dari hasrat Inggeris untuk melemahkan umat Islam. Mengambil langkah pengharaman *jihad qital* kepada pemerintah oleh Mirza telah membuka ruang perkembangan ajaran Qadiani keseluruh pelusuk dunia tanpa mendapat halangan dari mana-mana pemerintah kuffar kerana tindakan ini menepati hasrat golongan tersebut.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan analisa yang dibuat, terdapat jurang perbezaan jelas antara ajaran Qadiani ciptaan Mirza dengan ajaran Islam sebenar. Tunjang akidah ajaran Qadiani iaitu konsep kenabian, mengakui Mirza sebagai

seorang nabi utusan Allah adalah bertentangan dengan akidah tauhid serta pertimbangan akal yang waras.

Dakwaan Mirza sebagai nabi, juga bertaraf Nabi Isa dan Imam Mahdi, terkeluar dari landasan asal Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana menyandarkan hujah kepada cerita-cerita yang sukar diterima akal malahan tidak terdapat dalam al-Quran dan hadis yang dikemukakan, ditafsir mengikut hawa nafsu bagi disesuaikan dengan dakwaan-dakwaan Mirza.

Sumber dalam kepercayaan ajaran Qadiani bertentangan dengan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah yang merujuk sepenuhnya kepada al-Quran dan sunnah serta ijma' salaf al-Saleh. Berbanding dengan pengikut-pengikut Qadiani, mereka lebih mendahulukan kata-kata Mirza yang dianggap sebagai wahyu dari Allah daripada al-Quran dan hadis. Manakala hujah-hujah bersandarkan al-Quran dan hadis hanya secara terpilih, yang bersesuaian dengan kenyataan-kenyataan Mirza.

Ajaran Qadiani juga secara tidak langsung turut mengemukakan syariat baru kepada pengikut-pengikutnya dan dalam masa yang sama menasakhkan syariat Nabi Muhammad s.a.w. Melalui konsep jihad yang diperkenalkan oleh Mirza, beliau telah menghapuskan jihad pedang sedangkan di dalam syariat Muhammad s.a.w ianya adalah wajib: Dakwaan Mirza ini menunjukkan bahawa syariat yang dibawa oleh Nabi

Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir masih belum lengkap dan perlu diubah. Kenyataan ini amat bertentangan dengan al-Quran sebagaimana firman Allah bahawa Islam telah disempurnakan melalui perutusan Nabi Muhammad s.a.w. Ini memperjelaskan lagi kebatilan ajaran Qadiani.

Selain daripada itu, ajaran Qadiani turut mencampuradukkan unsur-unsur kepercayaan yang terdapat dalam agama Hindu. Ini menunjukkan Mirza telah dipengaruhi dengan teori-teori agama Hindu yang tersebar luas di negara dimana Qadiani diasaskan. Mirza turut menerapkan konsep penyatuan dengan tuhan sebagaimana yang dipegang oleh sebahagian ahli tasawuf melampau sebagai usaha membuktikan kedudukan istimewa beliau di sisi tuhan. Ini membuktikan bahawa ajaran Qadiani bukan dari ajaran Islam yang sebenar serta bertentangan dengan akidah tauhid.

Secara keseluruhannya, ajaran Qadiani merupakan ajaran yang terkeluar dari ajaran Islam sebenar serta terbukti kebatilannya. Namun begitu, pengiktu-pengikut Qadiani masih berpegang teguh pada ajaran tersebut memandangkan kebanyakan daripada mereka menerima secara warisan dari keluarga. Tindakan tegas perlu dilakukan bagi membanteras ajaran Qadiani serta membawa pengikut-pengikut kembali kepada Islam.